

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SURVEI EKONOMI TAHUNAN 2022
(BAGI TAHUN RUJUKAN 2021)

PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK

A. UMUM

1. Survei ini dijalankan di bawah peruntukan **Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989)**. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik pertubuhan / individu yang diterima adalah **SULIT** dan tidak boleh dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan ini. Maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini akan diterbitkan di peringkat agregat. Akta ini juga memperuntukkan denda ke atas keengganan memberi kerjasama.
2. Semua maklumat yang diberikan di dalam soal selidik ini hendaklah meliputi tahun takwim **2021**. Walau bagaimanapun, bagi pertubuhan yang tahun kewangannya tidak sama dengan tahun takwim, laporan tahun kewangan yang berbeza tidak lebih daripada **enam (6) bulan** dari tahun takwim boleh diterima. Sekiranya akaun pertubuhan ini belum dimuktamadkan, sila berikan nilai anggaran yang munasabah.
3. Tanggungjawab mengemukakan maklumat untuk soal selidik ini adalah terletak kepada pemilik pertubuhan ini dan bukan wakil, setiausaha atau akauntan, meskipun mereka ini boleh bertindak bagi pihak pemilik.
4. Semua nilai hendaklah dilaporkan dalam **Ringgit Malaysia (RM) yang terhampir**.
5. Semasa melengkapkan soal selidik ini, sekiranya terdapat mana-mana yang mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan tahun sebelumnya, sila tandakan sebab di **Soalan 11 di muka surat 26** soal selidik ini.

B. SKOP DAN LIPUTAN

1. Survei ini meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam sektor Perlombongan di Malaysia (kecuali pertubuhan yang menjalankan aktiviti perlombongan Petroleum dan gas asli).
2. **Perlombongan** ditakrifkan sebagai pengekstrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semula jadi; berbentuk pepejal seperti batu arang dan bijih-bijih; cecair, seperti minyak mentah dan gas, seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong-lombong di bawah tanah dan lombong permukaan, kuari-kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih-bijih dan mineral-mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, pengelasan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Kegiatan perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.
3. **Pengkuarian** batu ditakrifkan sebagai penggalian dari bumi bagi batu untuk bangunan dan peringat termasuk batu sabak, batuan untuk batu lada dan batu baur konkrit, batuan simen dan batu matra. Kegiatan yang dijalankan bersama-sama dengan aktiviti penggalian batu seperti potongan kasar, membentuk, mengisar, menghancurkan dan kerja-kerja lain yang berkaitan adalah termasuk di sini. Survei ini meliputi penggalian batu kapur, granit, batu pasir, silika, batu marmar dan kuarza.

4. Soal selidik ini dihantar kepada pemajak lombong. Jika pemajak lombong mengusahakan lombong itu pada tahun rujukan, tanggungjawab mengemukakan maklumat-maklumat untuk soal selidik ini terletak kepada pemajak. Jika pemajak lombong bukan pengusaha, soal selidik hendaklah dilengkapkan oleh pengusaha lombong berkenaan.
5. Sila laporkan semua aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh pertubuhan ini di Malaysia yang meliputi mana-mana aktiviti yang dinyatakan di atas (1, 2, 3 dan 4).
6. Jika jenis pertubuhan ini adalah **IBU PEJABAT**, sila laporkan semua maklumat dalam soal selidik ini. Jika jenis pertubuhan ini adalah cawangan yang tidak mempunyai akaun yang berasingan daripada ibu pejabat, sila pastikan alamat ibu pejabat dilaporkan di **muka surat 5**.

C. PANDUAN KHUSUS MENGISI SOAL SELIDIK

SOALAN 1: MAKLUMAT PENGENALAN

- 1.1 Sila berikan nombor pendaftaran syarikat / perniagaan jika berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lain-lain nombor pendaftaran.
- 1.2 Sila berikan status pertubuhan lombong / kuari ini samada pemajak atau operator atau kedua-duanya sekali.
- 1.3 Sila laporkan tahun mula aktiviti perlombongan / pengkuarian ini. Tahun mula aktiviti perlombongan / pengkuarian merujuk kepada tahun pertubuhan menjalankan aktiviti berkenaan.
- 1.4 Sila laporkan tempoh operasi pertubuhan ini. Tempoh operasi perlu meliputi **sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan**.

Contoh :

(a) 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021

Dari

Hari
0 1

 /

Bulan
0 1

 /

Tahun
2 0 2 1

 hingga

Hari
3 1

 /

Bulan
1 2

 /

Tahun
2 0 2 1

(b) 1 Julai 2021 hingga 30 Jun 2022

Dari

Hari
0 1

 /

Bulan
0 7

 /

Tahun
2 0 2 1

 hingga

Hari
3 0

 /

Bulan
0 6

 /

Tahun
2 0 2 2

(c) 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021

Dari

Hari
0 1

 /

Bulan
0 7

 /

Tahun
2 0 2 0

 hingga

Hari
3 0

 /

Bulan
0 6

 /

Tahun
2 0 2 1

- 1.4.1. Jika tempoh masa tidak meliputi seluruh tahun, sila tandakan sebab-sebab di bawah (Boleh pilih lebih daripada satu):

(a) Operasi bermusim

Perniagaan yang dijalankan bersesuaian dengan perubahan musim / keadaan. Kebanyakan perniagaan mungkin menjalankan perniagaan pada musim-musim tertentu sahaja.

(b) Perniagaan baharu

Perniagaan yang baharu diwujudkan bagi tujuan penyediaan barangan dan perkhidmatan.

(c) Pertukaran hak milik

Perubahan hak milik perniagaan kepada pemilik baharu atau sebaliknya.

(d) Perubahan tahun fiskal

Perubahan pada tempoh perakaunan bagi sesebuah pertubuhan.

(e) Operasi diberhentikan

Perniagaan tidak lagi beroperasi.

(f) Tidak aktif untuk sementara

Perniagaan dihentikan untuk sesuatu tempoh masa.

(g) Lain-lain (sila nyatakan)

1.5 Sila bekalkan alamat laman web lengkap bagi pertubuhan ini (cth: <https://www.dosm.gov.my>)

1.6 Sila nyatakan alamat lombong kuari sekiranya ia tidak sama dengan alamat pos di muka hadapan.

Alamat lombong kuari merujuk kepada alamat lokasi fizikal di mana lombong sebenar terletak. Jika lokasi sebenar terletak di luar kawasan bandar, sila berikan alamat atau lokasi dengan lengkap seperti kampung atau bandar yang berhampiran sekali dengannya. Pastikan poskod alamat lombong / kuari diisi di dalam kotak yang disediakan.

1.7 Sila tanda (X) dalam satu kotak sahaja.

Sila pastikan data yang dilaporkan di dalam pelaporan ini hanya berkaitan dengan pertubuhan ini di mana lokasinya adalah sama seperti alamat yang diberikan di dalam **Soalan 1.6**.

1.8 Sila nyatakan aktiviti utama pertubuhan ini, tanda (X) dalam satu kotak sahaja.

- 0510 - Perlombongan batu arang pepejal
- 0520 - Perlombongan lignit
- 0710 - Perlombongan bijih besi
- 0721 - Perlombongan bijih uranium dan torium
- 0729 - Perlombongan bijih logam bukan besi lain
- 0810 - Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat
- 0891 - Perlombongan mineral kimia dan baja (pyrolysis)
- 0892 - Pengekstrakan tanah gambut
- 0893 - Pengekstrakan garam
- 0899 - Perlombongan dan pengkuarian t.t.t.l.
- 0990 - Aktiviti sokongan perlombongan dan pengkuarian lain

1.9 Sila terangkan secara ringkas aktiviti utama yang dilaporkan di Soalan 1.8.

1.10 Sila nyatakan peratusan daripada pendapatan yang dihasilkan oleh aktiviti utama pertubuhan ini.

Sekiranya terdapat aktiviti sekunder selain daripada perlombongan mineral dan pengkuarian dijalankan, sila nyatakan aktiviti tersebut beserta peratusan pendapatan yang diterima.

1.11 Sila tanda (X) dalam satu kotak sahaja.

Pelaburan merujuk kepada pemegangan aset kewangan di luar negara oleh residen (individu, pertubuhan atau organisasi lain). Aset kewangan terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat atau syarikat bersekutu, sekuriti ekuiti, sekuriti hutang, bon, unit amanah, kredit perdagangan, pemberian pinjaman, deposit, pemberian pendahuluan dan aset lain.

1.12 Sila bekalkan nama dan alamat lengkap Ibu Pejabat dan semua nama dan alamat lengkap cawangan pertubuhan ini (jika ada).

SOALAN 2: TARAF SAH ORGANISASI

2.1 Sila tanda (X) dalam satu kotak sahaja.

(a) Hak milik perseorangan

Merujuk kepada perniagaan yang dimiliki, dibiayai dan diuruskan oleh orang perseorangan iaitu pemilik berkenaan. Ianya dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak bagi setiap urusan perniagaan dan liabiliti perniagaan adalah tidak terhad.

(b) Perkongsian

Merujuk kepada persetujuan bersama sekumpulan individu menjalankan perniagaan melalui kontrak yang telah dipersetujui berdasarkan sumbangan modal yang telah dinyatakan dalam perjanjian berkenaan bagi tujuan untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh mereka atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Seperti yang termaktub di bawah Akta Syarikat 1965, bilangan ahli bagi perniagaan perkongsian mestilah sekurang-kurangnya dua orang dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang. Liabiliti bagi perniagaan perkongsian adalah tidak terhad.

(c) Perkongsian Liabiliti Terhad

Merujuk kepada perniagaan entiti yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Ia memberi perlindungan liabiliti terhad kepada rakan-rakan kongsinya sama seperti liabiliti terhad yang dinikmati oleh pemegang saham sesebuah syarikat. Ia juga memberi fleksibiliti peraturan perniagaan dalaman melalui pengaturan perkongsian yang serupa dengan sesebuah perkongsian konvensional.

(d) Syarikat Sendirian Berhad

Merupakan syarikat persendirian yang ditubuhkan bagi tujuan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat.

Ciri ciri:

- i. Dikawal dibawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh 2 -50 orang pemegang saham;
- iii. Pemilik syarikat mempunyai liabiliti terhad;
- iv. Pemegang saham yang memiliki 51% atau lebih daripada jumlah saham syarikat berhak untuk mengawal syarikat tersebut. Saham syarikat boleh dijual beli tetapi tidak dilakukan di pasaran terbuka;
- v. Penjualan saham mesti dengan persetujuan pemegang saham yang lain
- vi. Tidak disenaraikan di Bursa; dan
- vii. Jangka hayat perniagaan adalah panjang dan boleh dikenali perkataan Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) pada akhir nama syarikat.

(e) Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad merupakan perniagaan yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas.

Ciri ciri:

- i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh pemegang-pemegang saham dan tiada had bagi pemilik saham berkenaan;
- iii. Pengurusan dan kawalan syarikat adalah di bawah tanggungjawab lembaga pengarah yang dilantik oleh pemegang saham; dan
- iv. Disenaraikan di Bursa Malaysia.

(f) Syarikat koperasi

Koperasi adalah organisasi yang ditubuhkan untuk faedah bersama ahli dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya.

(g) Perbadanan awam

Merujuk kepada badan khas yang ditubuhkan bagi menjalankan kegiatan perniagaan. Terdiri daripada Badan Berkanun dan Badan Tidak Berkanun.

Ciri-ciri:

- i. Badan Berkanun ditubuhkan dibawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri dan dikawal selia secara langsung oleh menteri yang menggariskan dasar-dasar penting organisasi dan biasanya terlibat dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. (cth. MARA dan FELDA); dan
- ii. Badan Tidak Berkanun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Kerajaan mempunyai ekuiti dengan kawalan menteri secara tidak langsung. Menjalankan kegiatan bercirikan perniagaan bagi tujuan memperoleh keuntungan kepada kerajaan selain melaksanakan bidang sosio-ekonomi yang tidak mampu diceburi oleh sektor swasta. (cth. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS)).

(h) Pertubuhan persendirian yang tidak mencari keuntungan

Merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan terhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan lain yang membekalkan perkhidmatan sosial dan komuniti kepada isi rumah. Ia memberikan perkhidmatan tersebut secara percuma atau pada harga yang tidak meliputi sepenuhnya kos perkhidmatan. Sebarang keuntungan yang diperolehi dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

2.2 Sila tandakan (X) dalam kotak yang sesuai bagi yang menjawab sama ada 2.1 (a), (b), (c), atau (d) sahaja.

Pertubuhan milikan wanita merujuk kepada pertubuhan sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita **ATAU** pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita **ATAU** Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

2.3 Sila tanda (X) dalam satu kotak sahaja.

Pertubuhan milikan belia merujuk kepada umur pemilik pertubuhan tersebut tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih 30 tahun pada tarikh pelantikan. Sekurang - kurangnya 51 peratus dan ke atas pemilikan ekuiti dipegang oleh belia **ATAU** Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan adalah belia yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

SOALAN 3: DANA PEMEGANG SAHAM DAN STRUKTUR HAK MILIK

3.1 Dana pemegang saham:

Dana pemegang saham merujuk kepada pelaburan melalui pembelian atau pemilikan pegangan dalam saham perniagaan bagi mendapatkan sebahagian daripada pendapatan dan aset syarikat-syarikat tersebut.

(a) Modal berbayar

Modal berbayar merupakan modal yang telah dikeluarkan oleh pemilik saham. Setiap syarikat hanya dibenarkan untuk mengeluarkan modal berbayar mengikut had maksimum modal yang dibenarkan yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- i. Bagi pertubuhan hak milik perseorangan, perkongsian atau perkongsian liabiliti terhad, merujuk kepada modal yang dikeluarkan oleh pemilik perseorangan atau rakan kongsi;
- ii. Bagi syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad, merujuk kepada modal saham yang dikeluarkan oleh syarikat;
- iii. Bagi perbadanan awam, merujuk kepada modal yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia; dan

- iv. Bagi koperasi, merujuk kepada saham yang dilanggan dan dikeluarkan oleh anggota-anggota, dan / atau modal yuran.

(b) Rizab

Rizab merupakan suatu simpanan khas yang diperuntukkan untuk sesuatu tujuan

- i. Bagi syarikat berhad, merujuk kepada keuntungan atau kerugian yang terkumpul seperti rizab modal, akaun premium saham, rizab am, rizab tukaran mata wang asing dan rizab lain;
- ii. Bagi pertubuhan hak milik perseorangan atau perkongsian, merujuk kepada baki dalam akaun keuntungan dan kerugian; dan
- iii. Bagi koperasi, merujuk kepada keuntungan atau kerugian yang terkumpul dan dana rizab.

3.2 Struktur Hak Milik

Sila laporkan peratus (%) hak milik pertubuhan berdasarkan modal berbayar seperti pada **31 Disember 2021**. Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka.

3.2.1 Dipegang secara langsung oleh residen Malaysia

3.2.1.1 Individu yang tinggal atau menetap di Malaysia bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun mengikut kewarganegaraan dan etnik;

- (i) Warganegara
 - (a) Melayu
 - (b) Bumiputera lain (cth. Iban, Kadazan, Bajau, Murut)
 - (c) Cina
 - (d) India
 - (e) Lain-lain (cth. Sikh)
- (ii) Bukan Warganegara

3.2.1.2 Institusi atau syarikat yang berada / beroperasi di Malaysia bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun di mana kepentingan ekonominya berpusat di Malaysia. Satu unit institusi dikatakan mempunyai pusat kepentingan di wilayah ekonomi di sebuah negara apabila wujudnya lokasi seperti bangunan, tempat pengeluaran, atau premis lain dimana atau dari mana unit tersebut mengusahakan atau bercadang untuk terus mengusahakan, samada untuk tempoh selama-lamanya atau tempoh yang panjang, di dalam aktiviti ekonomi dan dengan skala urusiaga yang signifikan. Struktur hak milikan institusi atau syarikat dilaporkan mengikut etnik seperti:

- (a) Melayu
- (b) Bumiputera lain (cth. Iban, Kadazan, Bajau, Murut)
- (c) Cina
- (d) India
- (e) Lain-lain (cth. Sikh)

3.2.2 Dipegang secara langsung oleh Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan

Merujuk kepada badan atau organisasi yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan, contohnya:

- Khazanah Nasional Berhad
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank)
- Lembaga Pelabuhan Johor
- Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
- Universiti-universiti Awam
- Penerbangan Malaysia Berhad

- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Menteri Besar Incorporation
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

3.2.3 Dipegang secara langsung oleh bukan residen Malaysia


Bukan residen Malaysia merujuk kepada individu, syarikat atau institusi yang tinggal, atau berada / beroperasi di negara luar Malaysia. Status residen perwakilan kerajaan asing, organisasi antarabangsa, pelajar asing dan pesakit asing, adalah seperti berikut:

- Perwakilan kerajaan asing (kedutaan, konsulat, pangkalan ketenteraan, kerajaan asing) di Malaysia dianggap sebagai pihak luar-wilayah dan dengan itu dianggap sebagai bukan residen;
- Perwakilan kerajaan Malaysia di luar negeri dianggap sebagai residen Malaysia;
- Organisasi antarabangsa tidak dianggap sebagai residen bagi mana-mana ekonomi / negara; dan
- Pelajar asing dan pesakit asing dianggap sebagai residen negara asal mereka.


3.3 Jika modal berbayar pertubuhan ini dipegang melebihi 50 peratus oleh syarikat atau individu di luar negara, secara langsung atau tidak langsung, sila nyatakan negara syarikat induk muktamad.

Syarikat induk muktamad merujuk kepada yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan milikan ekuiti dalam pertubuhan ini (melebihi 50 peratus). Saham syarikat induk muktamad adalah tidak dimiliki secara majoriti oleh syarikat lain. Negara merujuk kepada lokasi di mana syarikat induk muktamad menjalankan aktiviti ekonomi / perniagaan.


Contoh 1: Pemegangan secara langsung oleh syarikat induk di luar negara



Contoh 2: Pemegangan secara tidak langsung oleh syarikat induk muktamad di luar negara melalui pemegangan syarikat induk di Malaysia



Contoh 3: Pemegangan secara tidak langsung oleh syarikat induk muktamad di luar negara melalui pemegangan syarikat induk *immediate* di negara asing lain.



SOALAN 4 : PERBELANJAAN MODAL DAN NILAI HARTA

Perbelanjaan Modal merupakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi pembelian ataupun penggantian aset tetap sesebuah pertubuhan.

Nilai harta merupakan nilai aset bagi pegangan atau penggunaan entiti tersebut dalam satu tempoh masa. Nilai harta boleh dibezakan antara aset bukan kewangan dan aset kewangan. Bagi aset bukan kewangan, ia dibezakan antara aset pengeluaran dan aset bukan pengeluaran. Aset pengeluaran terdiri daripada struktur, jentera & kelengkapan dan aset lain.

- i. Maklumat yang dikehendaki dalam soalan ini adalah:
 - a. nilai inventori harta seperti pada **hari pertama** dan **hari terakhir** bagi tahun rujukan; dan
 - b. nilai transaksi harta pada tahun rujukan.
- ii. **Nilai buku bersih pada awal tahun** perlu direkodkan dalam **ruangan 0410**, iaitu nilai setelah mengambil kira susut nilai pada tahun sebelum.
- iii. Nilai tambahan pada tahun rujukan termasuk semua pemilikan harta oleh pertubuhan sama ada pembelian baharu, diperoleh daripada pertubuhan lain atau dikeluarkan oleh pekerja-pekerja sendiri. Pengubahsuaian dan pembaikan besar kepada harta yang masih ada yang memanjangkan lagi usia ekonomi biasa atau meninggikan lagi daya pengeluaran mereka, hendaklah dilaporkan. Pembaikan dan penyelenggaraan rutin semasa adalah **dikecualikan**.
- iv. Pemilikan daripada pertubuhan lain hendaklah dinilai pada kos penuh yang terlibat, iaitu pada harga serahan dicampur dengan kos pemasangan, termasuk sebarang bayaran dan cukai yang perlu, (cth. duti setem dan kos pemindahan pemilikan), tetapi **tidak termasuk** kos pembiayaan.
- v. Harta yang diperoleh dengan percuma daripada pertubuhan lain di bawah hak milik yang sama, hendaklah dinilai seperti dibeli dari luar pertubuhan.
- vi. **Pembelian baharu termasuk import (baharu & terpakai)** meliputi perolehan harta baharu termasuk pengubahsuaian atau harta yang diimport kerana ia merupakan harta baharu diperoleh untuk ekonomi Malaysia. Ini merujuk harta tetap yang belum pernah digunakan di Malaysia, termasuk harta tetap yang diimport baharu dalam **ruangan 0411**.
- vii. **Pembelian aset terpakai Malaysia** merujuk kepada semua harta yang dahulunya digunakan dalam Malaysia termasuk semua harta yang telah dibaikpulih atau diubahsuai sebelum pemilikan hendaklah dianggap sebagai terpakai dalam **ruangan 0412**.

- viii. **Membuat / membina sendiri** ke atas harta tetap yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini untuk kegunaan sendiri, kos bagi semua kerja yang dijalankan pada tahun itu hendaklah direkodkan. Sebarang kos *overhead* yang diperuntukkan bagi kerja ini hendaklah dimasukkan dalam **ruangan 0413**.

Urus niaga modal pada amnya hendaklah direkodkan apabila pemilikan diperoleh. Kebiasaannya ia hendaklah direkodkan serentak pada masa harta tersebut disiapkan sepenuhnya dan diserahkan untuk penyeliaan pertubuhan itu. Ini adalah merupakan asas merekod perbelanjaan bagi semua harta tetap **kecuali** bagi kerja-kerja binaan. Dalam kes pembinaan, nilai kerja pembinaan ialah nilai kerja yang dijalankan ke atas projek yang disempurnakan pada tahun rujukan, dicampur dengan nilai kerja yang masih dijalankan pada akhir tahun rujukan dan ditolak nilai kerja pada awal tahun rujukan.

- ix. **Nilai harta yang dijual atau ditamatkan penggunaannya** dalam tahun rujukan tanpa mengira keadaannya, hendaklah dilaporkan mengikut hasil sebenar yang diperoleh dalam **ruangan 0414**.
- x. **Keuntungan / kerugian daripada jualan / penilaian semula harta** merujuk kepada sesuatu harta dijual melebihi / kurang daripada nilai buku bersih, maka keuntungan / kerugian daripada jualan harta diperoleh hendaklah dilaporkan dalam **ruangan 0415**.

Dalam keadaan yang serupa, sesuatu harta boleh dinilai semula untuk mencerminkan harga pasaran semasa. Keuntungan / kerugian daripada penilaian semula harta yang diperoleh juga hendaklah dilaporkan dalam **ruangan 0415**. Jika berlaku kerugian, angka hendaklah ditulis bermula dengan simbol (-).

- xi. **Susut nilai / pelunasan semasa** merupakan kehilangan atau kejatuhan nilai bagi sesuatu harta disebabkan oleh haus dan lusuh, luput atau kejatuhan kekal dalam nilai pasaran (susut nilai yang dibenarkan untuk maksud cukai boleh diterima). Nilai yang dilaporkan dalam penyata akaun bagi tiap-tiap kelas harta tetap hendaklah dilaporkan dalam **ruangan 0416** secara berasingan. Ini termasuk juga perlunasan tanah pajak. Jumlah susut nilai ini hendaklah sama dengan **perkara 9.30 Soalan 9 di muka surat 23**.

- xii. **Nilai buku bersih akhir** tahun rujukan dalam **ruangan 0417** =
- + nilai buku bersih awal tahun
 - + nilai harta yang diperoleh
 - harta yang dijual atau ditamatkan
 - +/- keuntungan / kerugian daripada jualan / penilaian semula harta
 - susut nilai semasa

- xiii. Pembayaran yang dilakukan bagi kegunaan mana-mana harta yang diambil atas dasar pajakan atau sewaan hendaklah dilaporkan dalam **ruangan 0418**.

Jenis harta adalah ditakrifkan seperti berikut:

- 4.1 Harta tetap** meliputi semua barang (tanah, bangunan, alat pengangkutan, peralatan teknologi maklumat dan komunikasi, jentera dan kelengkapan dsb.) sama ada baharu atau terpakai yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun dan ianya adalah bertujuan untuk digunakan oleh pertubuhan ini.

4.1.1 Tanah

Termasuk nilai tapak tanah dengan tidak mengambil kira pembangunan dan struktur (cth. tanah tebus guna dan pesisiran pantai yang ditambah bagi mewujudkan daratan).

4.1.2 Bangunan dan binaan lain:

- (a) **Tempat kediaman** termasuk keseluruhan atau sebahagian besarnya terdiri daripada tempat kediaman.
- (b) **Bukan tempat kediaman** adalah bangunan untuk kegunaan perindustrian, awam dan komersil (cth. kilang, gudang, bangunan pejabat, stor, restoran, garaj, kedai, hospital, sekolah dan sebagainya).

- (c) **Binaan lain** termasuk pembinaan atau pengubahsuaian jalan, landasan keretapi, pembentung, jambatan, pelabuhan, medan letak kereta, saluran paip dan sebagainya.

4.1.3 Pembangunan tanah

Termasuk nilai kerja membersihkan, menyediakan tapak binaan serta membuat lanskap tetapi tidak termasuk nilai tanah sebelum pembangunan dibuat. Ia termasuk juga perbelanjaan terhadap pembersihan dan tebus guna tanah, tidak kira sama ada ini akan memberi tambahan kepada keluasan tanah yang ada atau tidak (cth. tali air dan projek kawalan banjir, empangan dan benteng yang merupakan sebahagian daripada projek ini, membersihkan dan menanam semula di kawasan kayu balak dan hutan).

4.1.4 Alat pengangkutan

Merujuk kepada alat pengangkutan yang digunakan untuk pemindahan barangan atau orang ke destinasi bagi tujuan perniagaan.

4.1.5 Teknologi maklumat dan komunikasi

- (a) **Perkakasan komputer** merujuk kepada semua perkakasan prosesan, penyimpanan, penghantaran data dan maklumat yang berkaitan dengan sistem komputer.
- (b) **Perisian komputer** merujuk kepada perisian untuk pengoperasian sistem komputer dan pangkalan data sama ada dibangunkan sendiri, ditempah khas atau dibeli (tidak ditempah khas).
- (c) **Peralatan telekomunikasi** merujuk kepada telefon mudah alih, *personal digital assistants (PDAs)*, piring satelit, peralatan pandang dengar (cth. radio, televisyen) dan pemancar dan penerima televisyen / radio lain.

4.1.6 Jentera dan kelengkapan

- (a) **Jentera dan kelengkapan utama** termasuklah jentera penjanaan kuasa, mesin dan kelengkapan pejabat, jentera pertukangan logam, jentera pembinaan dan jentera industri lain, kren, *forklift* dan sebagainya, kontena tahan lama, peralatan dan perkakas yang digunakan oleh profesional dan jentera serta alat lain termasuk pengubahsuaian besar dan pembaikan terhadap jentera dan peralatan jenis ini.
- (b) **Dron**
Dron atau sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) bermaksud pesawat dan unsur-unsur yang berkaitan dengannya yang beroperasi tanpa juruterbang di atas kapal. Terdapat tiga kategori dron iaitu:
 - (i) **Sistem pesawat kecil tanpa pemandu**
Sistem pesawat tanpa pemandu, selain daripada belon atau layang-layang, mempunyai jisim tidak lebih daripada 20 kilogram tanpa bahan api tetapi termasuk apa-apa barang atau peralatan yang dipasang di dalam atau pada pesawat ketika permulaan penerbangannya.
 - (ii) **Pesawat pengawasan kecil tanpa pemandu**
Sebuah pesawat kecil tanpa pemandu yang dilengkapi untuk melaksanakan apa-apa bentuk pengawasan atau pemerolehan data.
 - (iii) **Sistem pesawat tanpa pemandu yang melebihi 20kg**

- 4.1.7 Perabot dan pemasangan** meliputi semua perkakasan yang diperlukan bagi menghias dan melengkapi sesebuah bangunan (cth. kerusi, meja, permaidani dan sebagainya).

4.1.8 Mencarigali mineral dijalankan untuk menemui lapisan baharu mineral (bijih timah, emas, perak, tembaga, bauksit, dan lain-lain), atau bahan pembakar (minyak mentah, gas asli, batu arang, dan lain-lain) yang boleh dieksploitasikan secara komersial. Mencarigali boleh dijalankan oleh enterpris yang terlibat dalam perlombongan atau pengekstrakan bahan pembakar atas akaun sendiri. Secara alternatif, mencarigali mungkin dijalankan oleh enterpris yang khusus untuk tujuan sendiri atau untuk mendapat bayaran.

Perbelanjaan yang ditanggung pada tahun rujukan, sama ada dijalankan atas akaun sendiri atau tidak, adalah dianggap sebagai perbelanjaan kepada pemerolehan harta tetap tak ketara dan kerana itu dimasukkan dalam pembentukan modal tetap enterpris. Perbelanjaan berikut dimasukkan dalam perkara ini:

- (i) Kos sebenar penggerudian dan pengorekan ujian;
- (ii) Kos yang ditanggung untuk menjalankan ujian (cth. kos survei udara atau survei lain, kos pengangkutan, dan sebagainya; dan
- (iii) Nilai sumber yang diperuntukkan untuk mencarigali pada tahun rujukan.

4.2 Harta-harta lain merujuk kepada harta tidak ketara yang meliputi paten dan muhibah.

4.2.1 Paten merujuk kepada hak eksklusif kepada pemiliknya untuk membuat ciptaan mekanikal yang berkuasa untuk beberapa tahun. Paten direkodkan pada kos.

4.2.2 Muhibah wujud daripada nama baik sesebuah syarikat dan kesetiaan pelanggan yang diperolehi. Apabila sesuatu perniagaan dibeli dengan harga melebihi nilai bersih harta, maka kelebihan ini dianggap sebagai muhibah.

4.2.3 Kerja dalam pelaksanaan merujuk kepada harta (cth. bangunan, jentera & kelengkapan dan lain-lain) separuh siap dan masih belum dimodalkan (cth. jika syarikat sedang membina aset seperti bangunan yang akan digunakan dalam pengeluaran, dan aset itu hanya separuh siap, jumlah yang akan dibelanjakan akan direkodkan sebagai kerja dalam kemajuan).

4.3 Lain-lain

Meliputi harta lain / perbelanjaan modal, sekiranya ada, yang mungkin tidak dapat kelaskan di atas (cth. barangan kemas, barangan antik dan lukisan). **Semua harta kewangan seperti wang tunai, penghutang dan stok (saham) dikecualikan.**

4.4 Jumlah

Sila jumlahkan **4.1.1 hingga 4.3**.

4.5 Kerja dalam pelaksanaan (terperinci)

Perincian perbelanjaan semasa kerja dalam pelaksanaan bagi tempoh rujukan mengikut jenis harta iaitu seperti bangunan kediaman, bangunan bukan kediaman, lain-lain pembinaan, jentera dan kelengkapan dan lain-lain.

SOALAN 5: BILANGAN PEKERJA DAN GAJI & UPAH

A. Takrifan am

Soalan ini dibahagikan kepada **LIMA** bahagian. Sila lengkapkan butir-butir pekerja di pertubuhan ini mengikut takrifan seperti berikut:

- i. Soalan 5A (Bilangan Pekerja [Lelaki])
- ii. Soalan 5B (Bilangan Pekerja [Perempuan])
- iii. Soalan 5C (Gaji & Upah Dibayar [Lelaki])
- iv. Soalan 5D (Gaji & Upah Dibayar [Perempuan])
- v. Soalan 5E (Bilangan Pekerja Bukan Warganegara Malaysia Mengikut Negara Asal dan Tempoh Perkhidmatan di Malaysia)

Soalan 5A dan 5B (PEKERJA)

1. Bilangan pekerja (ruangan 0520, 0506, 0523 dan 0515)

Sila laporkan semua bilangan pekerja pertubuhan ini mengikut kategori dan kewarganegaraan dalam ruangan **0520 & 0506 (Lelaki)** dan **0523 & 0515 (Perempuan)** pada **Disember 2021** atau pada **tempoh gaji terakhir** dalam tahun rujukan. Bilangan yang dilaporkan hendaklah termasuk pekerja yang sedang bercuti jangka pendek seperti cuti sakit atau cuti rehat. Pengarah syarikat korporat yang diberi bayaran hanya semata-mata kerana kehadiran mereka dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, pekerja yang diberi cuti yang tempohnya tidak ditentukan, bercuti kerana perkhidmatan tentera atau telah pencen hendaklah **dikecualikan**.

2. Bilangan pekerja bukan warganegara Malaysia mengikut kategori tempoh perkhidmatan di Malaysia (ruangan 0521, 0522, 0524 dan 0525)

Sila laporkan semua bilangan pekerja bukan warganegara Malaysia pertubuhan ini mengikut kategori tempoh perkhidmatan di Malaysia dalam ruangan **0521 & 0522 (Lelaki)** dan **0524 & 0525 (Perempuan)** pada **Disember 2021** atau pada **tempoh gaji terakhir** dalam tahun rujukan. **Ruangan 0521 & 0522** adalah subset kepada **ruangan 0506** manakala **ruangan 0524 & 0525** adalah subset kepada **ruangan 0515**.

3. Bilangan pekerja yang dibekalkan oleh pertubuhan lain pada Disember 2021 (ruangan 0509 dan 0518)

Merujuk kepada bilangan pekerja yang bekerja di pertubuhan ini tetapi gaji & upah dibayar oleh pertubuhan yang membekalkan pekerja tersebut. Bayaran gaji & upah bagi pertubuhan yang membekalkan pekerja tersebut perlu dilaporkan di **Soalan 9.37 di muka surat 25**.

Soalan 5C dan 5D (GAJI & UPAH DIBAYAR)

Gaji & upah tahunan (ruangan 0526, 0527, 0528 dan 0529)

Sila laporkan semua pembayaran (gaji, upah, bonus, komisen, bayaran lebih masa dan elaun tunai termasuk belanja sara hidup, perumahan, pengangkutan, makanan, perjalanan dan sebagainya) yang dibuat sepanjang tahun rujukan meliputi semua pekerja bergaji dalam setiap kategori dan kewarganegaraan dalam ruangan **0526 & 0527 (Lelaki)** dan **0528 & 0529 (Perempuan)**. **Bagi semua pekerja yang diambil secara langsung**, laporkan jumlah bayaran yang dibuat, sebelum ditolak cukai pendapatan dan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) / Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) / kumpulan wang simpanan lain / kumpulan wang persaraan. Caruman majikan kepada kumpulan wang seperti yang dinyatakan di atas hendaklah **dikecualikan**.

SOALAN 5E (BILANGAN PEKERJA BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA MENGIKUT NEGARA ASAL DAN TEMPOH PERKHIDMATAN DI MALAYSIA)

Negara asal dan tempoh perkhidmatan pekerja

Negara asal pekerja merujuk kepada negara di mana seseorang pekerja tersebut dilahirkan dan tempat hidup yang berlainan dengan negara bekerja sekarang. Tempoh perkhidmatan merujuk kepada jumlah masa seseorang pekerja tersebut telah berkhidmat di Malaysia, tidak terhad kepada pertubuhan berkhidmat sekarang.

B. Takrifan kategori pekerja / jawatan

5.1 Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Termasuk semua pemilik perseorangan dan rakan niaga (sambilan atau sepenuh masa) yang bekerja dengan aktifnya di dalam pertubuhan ini. Rakan niaga dan ahli keluarga pemilik yang tidak aktif adalah **dikecualikan**, melainkan mereka yang mengambil bahagian dalam mengawal dan menguruskan perniagaan ini. Kategori ini tidak berkaitan dengan syarikat berhad atau perbadanan awam, yang mana hak miliknya adalah ditentukan mengikut pegangan ekuiti.

5.2 Pekerja keluarga tidak bergaji

Termasuk semua ahli (sepenuh masa atau sambilan) bagi mana-mana pemilik pertubuhan yang mana pada tempoh tertentu bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu kerja biasa tetapi tidak menerima sebarang bayaran atau upah, sama ada dengan wang tunai atau ganjaran berbentuk mata benda, untuk kerja yang dilaksanakan. Pekerja ini sememangnya mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada isi rumah pemilik ini sama ada mereka bekerja atau tidak di pertubuhan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika gaji tetap atau elaun diterima oleh pekerja keluarga dan mereka mencarum kepada KWSP atau kumpulan wang persaraan lain, mereka hendaklah dianggap sebagai pekerja bergaji, iaitu hendaklah dilaporkan di dalam Soalan 5A dan 5B (perkara 5.3 dan 5.4) selaras dengan takrif pekerja sepenuh masa atau sambilan di atas.

Kategori pekerja keluarga tidak bergaji ini tidak berkaitan dengan syarikat berhad atau perbadanan awam yang mana hak milik adalah mengikut pegangan ekuiti.

5.3 Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Pekerja sepenuh masa merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau 20 hari sebulan. Mereka yang bekerja di luar, yang mana gaji dan perkhidmatannya di bawah kawalan pertubuhan itu, seperti wakil jualan, wakil kejuruteraan dan kakitangan penyelenggaraan dan pembaikan hendaklah dimasukkan, jika ada. Termasuk juga dalam kumpulan ini ialah pengeurus dan pengarah pertubuhan korporat yang bergaji kecuali jika mereka hanya menerima pembayaran semata-mata kerana hadir dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Semua pekerja di atas hendaklah dilaporkan mengikut kategori pekerja seperti takrifan di bawah:

5.3.1 Pengurus

Pengurus adalah mereka menggubal, menganalisis, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas; atau merancang, mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamannya. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah pengurus syarikat.

5.3.2 Profesional

Profesional ialah mereka yang menjalankan analisis dan penyelidikan dan membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi. Meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti ini.

5.3.2.1 Profesional (kecuali penyelidik)

Lain-lain profesional kecuali penyelidik. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah jurutera, Eksekutif Pentadbiran, peguam dan akauntan.

5.3.2.2 Penyelidik

Merujuk khusus kepada jawatan Penyelidik. Penyelidik menjalankan penyelidikan, menambah baik bahan serta produk dan proses industri atau membangunkan konsep, teori dan kaedah operasi, dan mengaplikasikan ilmu saintifik berdasarkan penyiasatan yang sistematik dan tersusun. Contohnya seseorang yang berjawatan jurutera dan menjalankan tugas penyelidikan tidak diklasifikasikan sebagai penyelidik.

cth. seseorang yang berjawatan jurutera dan menjalankan tugas penyelidikan tidak diklasifikasikan sebagai penyelidik.

5.3.3 Juruteknik dan Profesional Bersekutu

Juruteknik dan Profesional Bersekutu biasanya melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan. Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang ketiga. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah juruteknik kenderaan bermotor.

5.3.4 Pekerja Sokongan Perkeranian

Pekerja Sokongan Perkeranian menjalankan kerja-kerja merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah kerani, kerani akaun, jurutaip, jurutrengkas, penyambut tetamu, setiausaha dan kerani stor.

5.3.5 Pekerja Perkhidmatan dan Jualan

Pekerja Perkhidmatan dan Jualan adalah mereka yang menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah juruwang, jurujual di kedai dan pasar, pembantu jualan di kedai dan pengawal keselamatan.

5.3.6 Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan

Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang berkaitan adalah mereka yang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempatan logam, dan mendirikan struktur logam; membuat, melaraskan, menyelenggara dan membaiki pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan.

Kerja tersebut dijalankan dengan tangan atau peralatan yang menggunakan tangan dan peralatan lain yang digunakan untuk mengurangkan penggunaan tenaga fizikal serta masa yang diperlukan untuk tugas tertentu, dan juga untuk meningkatkan kualiti produk. Tugas itu memerlukan pemahaman dalam semua peringkat proses pengeluaran, bahan dan peralatan yang digunakan, serta jenis dan tujuan produk akhir. Contoh pekerja kategori ini ialah pembina rumah, tukang kayu dan mekanik.

5.3.7 Operator Mesin & Loji dan Pemasang

Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang adalah mereka yang mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

Kerja tersebut biasanya memerlukan pengalaman dan pemahaman berkaitan jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian, serta kebolehan mengawal operasi yang menggunakan mesin, dan menyesuaikan diri dengan pembaharuan teknologi. Contoh pekerja kategori ini ialah operator loji.

5.3.8 Pekerja Asas

Pekerja Asas adalah mereka yang menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah, dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Contoh pekerja kategori ini ialah pekerja am, pekerja pembersihan, penghantar surat dan buruh pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan.

5.3.9 Jumlah pekerja bergaji (sepenuh masa)

Sila jumlahkan 5.3.1 hingga 5.3.8.

5.4 Pekerja bergaji (sambilan)

Merujuk kepada mereka yang **bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan / atau kurang daripada 20 hari sebulan** dan menerima gaji.

5.5 Jumlah

Sila jumlahkan 5.1, 5.2, 5.3.9 dan 5.4.

SOALAN 6: BILANGAN PEKERJA MENGIKUT KELULUSAN

Pelaporan bagi pekerja mengikut kelulusan Akademik dan Teknikal / Kemahiran dikelaskan kepada **TUJUH** kategori utama:

6.1 Pascasiswazah

Merujuk kepada semua peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi (dalam / luar negara) yang diiktiraf.

6.2 Ijazah Sarjana Muda / Diploma Lanjutan atau yang setaraf

(a) Akademik

Merujuk kepada semua peringkat ijazah pertama selain daripada pengkhususan teknologi yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi (dalam / luar negara) yang diiktiraf. Kelayakan-kelayakan diploma lanjutan dari badan profesional **yang diiktiraf setaraf atau lebih tinggi daripada ijazah** juga diambil kira seperti ACCA, CIMA (perakaunan), LLB (undang-undang), ICSA (Kesetiausahaan) dan sebagainya.

(b) Teknikal

Merujuk kepada semua peringkat ijazah pertama dalam **pengkhususan teknologi (Teknikal dan Kemahiran)** yang diperoleh daripada Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

6.3 Diploma

(a) Akademik

Merujuk kepada sijil dan diploma atau setaraf yang diterima daripada universiti, kolej, diploma politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf. Tempoh pengajian untuk memperoleh diploma atau sijil adalah sekurang-kurangnya dua tahun.

(b) Teknikal dan Vokasional (TVET)

Merujuk kepada diploma yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi, politeknik atau kolej (dalam / luar negara) **mengkhusus kepada** Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). cth. Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang diperakukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

6.4 STPM atau yang setaraf

Merujuk kepada kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Persekolahan (STP), *Higher School Certificate* (HSC), Sijil Tinggi Agama (STA) atau *General Certificate of Education* (GCE) 'A' Level atau lulus peperiksaan matrikulasi yang dikendalikan oleh mana-mana universiti yang diiktiraf.

6.5 Sijil

(a) Akademik

Merujuk kepada kelayakan sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik dan Kolej Swasta yang mengkhusus kepada akademik.

(b) Sijil Kemahiran (TVET)

(i) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3

Merujuk kepada kelayakan sijil yang diperakukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Berketerampilan melakukan pelbagai aktiviti kerja. Mempunyai tanggungjawab dan disamping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain. Diiktiraf sebagai Pekerja Mahir.

(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 & 2

Merujuk kepada kelayakan sijil yang diperakukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Diiktiraf sebagai Pekerja Separuh Mahir.

(iii) Sijil Kemahiran Lain

Merujuk kepada kelayakan sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**.

6.6 SPM / SPM(V) atau yang setaraf

Merujuk kepada kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPM(V)), *Malaysia Certificate of Education* (MCE) atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level. Ini termasuk sijil kemahiran asas yang diperoleh daripada institut latihan kemahiran khusus dan teknikal yang mana tempoh pengajian adalah sekurang-kurangnya enam bulan sijil GIATMARA.

6.7 Di bawah taraf kelulusan SPM / SPM(V)

Merujuk kepada kelayakan seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Rendah Pelajaran (SRP), *Lower Certificate of Education* (LCE), tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.

6.8 Jumlah

Sila jumlahkan **6.1 hingga 6.7**.

Jumlah yang dilaporkan ini mestilah sama dengan angka yang dilaporkan di **Soalan 5A (Lelaki)** dan **5B (Perempuan)** tidak termasuk pekerja yang dibekalkan oleh pertubuhan lain.

SOALAN 7: JAM BEKERJA PADA TAHUN RUJUKAN

7.1 Bilangan pekerja dalam setiap syif

Merujuk kepada bilangan pekerja dalam setiap syif.

7.2 Jumlah hari bekerja pada tahun rujukan

Merujuk kepada jumlah hari bekerja sebenar pertubuhan ini beroperasi pada tahun rujukan.

7.3 Jumlah jam bekerja dalam satu syif

Merujuk kepada jumlah jam pekerja bagi satu syif.

7.4 Jumlah jam pekerja bekerja

Merujuk kepada **7.1 x 7.2 x 7.3**.

7.5 Jumlah jam pekerja bekerja lebih masa pada tahun rujukan

Merujuk kepada jumlah jam bekerja di luar waktu bekerja biasa pertubuhan ini.

7.6 Jumlah jam pekerja bekerja pada tahun rujukan

Merujuk kepada jumlah **7.4 dan 7.5**.

7.7 Upah yang dibayar untuk bekerja lebih masa pada tahun rujukan

Merujuk kepada jumlah upah yang dibayar bagi pekerjaan yang dilakukan di luar waktu bekerja biasa pertubuhan ini.

SOALAN 8 : PEROLEHAN / PENDAPATAN

Data yang dilaporkan dalam Soalan ini mestilah berasaskan kepada Akaun Untung & Rugi / Penyata Kewangan dan dokumen sokongan lain bagi tahun rujukan **2021**. Sila berikan nilai anggaran yang terbaik sekiranya akaun tidak tersedia atau belum dimuktamadkan.

Berikut adalah keterangan bagi soalan **Soalan 8.1, 8.2 dan 8.3**

8.1 Jualan produk mineral

Ia merujuk kepada jualan yang dilakukan dalam tahun rujukan bagi mineral yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini. Hanya jualan mineral yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini perlu dilaporkan. Mineral yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses tambahan **tidak perlu diambil kira**. Mineral yang dipindahkan kepada pertubuhan lain di bawah milik yang sama dengan pertubuhan ini hendaklah dimasukkan. Penilaian jualan mineral adalah nilai jualan kasar yang diinvois kepada pelanggan, tolak diskaun dan rebet, dan elaun ke atas pemulangan barangan yang dibenarkan kepada pelanggan.

8.2 Jualan produk kuari

Ia merujuk kepada jualan yang dilakukan dalam tahun rujukan bagi produk kuari yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini. Jualan berlaku apabila penyerahan atau kawalan barangan bertukar daripada pertubuhan ini kepada pembeli. Hanya produk kuari yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini perlu dilaporkan. Produk kuari yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses tambahan tidak perlu diambil kira. Produk kuari yang dipindahkan kepada pertubuhan lain di bawah milik yang sama dengan pertubuhan ini hendaklah dimasukkan. Penilaian produk kuari adalah nilai jualan kasar yang diinvois kepada pelanggan, tolak diskaun dan rebet, dan elaun ke atas pemulangan barangan yang dibenarkan kepada pelanggan.

8.3 Jualan pasir

Ia merujuk kepada jualan yang dilakukan dalam tahun rujukan bagi mineral yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini. Jualan berlaku apabila penyerahan atau kawalan barangan bertukar daripada pertubuhan ini kepada pembeli. Hanya jualan mineral yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini perlu dilaporkan. Mineral yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses tambahan tidak perlu diambil kira. Mineral yang dipindahkan kepada pertubuhan lain di bawah milik yang sama dengan pertubuhan ini hendaklah dimasukkan. Penilaian jualan mineral adalah nilai jualan kasar yang diinvois kepada pelanggan, tolak diskaun dan rebet, dan elaun ke atas pemulangan barangan yang dibenarkan kepada pelanggan.

8.3.1 Sila nyatakan peratus (%) eksport berdasarkan jumlah nilai keluaran pada tahun rujukan

Merujuk kepada peratus bagi eksport berdasarkan jumlah nilai jualan pada tahun rujukan.

8.3.2 Pengangkutan keluar dengan menggunakan kenderaan sendiri

Bayaran yang diterima daripada pembeli untuk kegunaan kenderaan pengangkutan sendiri seperti lori, van, kapal dsb, untuk mengangkut mineral kepada pembeli.

8.3.3 Pengangkutan keluar dengan pembelian perkhidmatan pengangkutan daripada pertubuhan lain

Ia merujuk kepada bayaran perkhidmatan pengangkutan yang diterima daripada pembeli bagi pihak syarikat pengangkutan lain untuk perkhidmatan pengangkutan barangan yang disediakan oleh syarikat ini kepada pembeli.

8.3.4 Bayaran royalti kepada kerajaan (cth. bayaran doket)

Bayaran royalti adalah yang dikenakan oleh Pejabat Tanah dan Galian kepada tuan tanah apabila tuan tanah atau pengusaha lombong mengeluarkan mineral daripada tanah.

8.3.5 Cukai produk / komoditi

Sesuatu cukai ke atas satu produk / komoditi ialah suatu cukai yang perlu dibayar bagi satu unit barangan atau perkhidmatan berkenaan. Cukai itu boleh dalam nilai mata wang yang tertentu untuk satu unit barangan atau perkhidmatan, atau ia boleh dikira ad valorem (mengikut nilai) sebagai suatu peratus pada harga seunit atau nilai barangan dan perkhidmatan yang diurus niaga. Sesuatu cukai ke atas produk / komoditi biasanya menjadi perlu dibayar apabila ia telah dikeluarkan, dijual atau diimport, tetapi ia mungkin juga menjadi perlu dibayar dalam keadaan lain, seperti apabila sesuatu barangan dieksport, dipajak, dipindah, dihantar atau digunakan untuk penggunaan sendiri atau pembentukan modal sendiri. Contoh cukai produk / komoditi ialah cukai eksport, duti eksais, cukai jualan, dan sebagainya.

- 8.3.6 Komisen yang diterima daripada perkhidmatan pengangkutan**
 Komisen yang diterima oleh pertubuhan lombong daripada syarikat pengangkutan (seperti syarikat pengangkutan lori) yang membekalkan perkhidmatan pengangkutan kepada pembeli. Ini adalah kerana pertubuhan lombong memperkenalkan perniagaan pengangkutan barangan kepada syarikat pengangkutan lori.
- 8.3.7 Komisen yang dibayar kepada ejen (cth. untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan / jualan)**
 Komisen yang dibayar oleh pertubuhan lombong kepada ejen yang mengaturkan perkhidmatan pengangkutan dan / atau mendapat jualan produk kuari.
- 8.3.8 Nilai di lombong**
 Penilaian pada nilai di lombong hendaklah berdasarkan kepada nilai pasaran mineral tolak diskaun dan rebet, yang dikenakan kepada pelanggan dan tolak semua perbelanjaan pengagihan yang sebenarnya dibayar seperti (a) bayaran untuk memulangkan balik barangan atau bungkusan lain dan hal-hal lain yang dibenarkan kepada pelanggan; (b) bayaran untuk pengangkutan keluar yang dibayar kepada pertubuhan lain contohnya, kos pengangkutan, premium insurans, bayaran untuk penyimpanan, dan sebagainya; (c) komisen kepada wakil-wakil penjual, dsb dan (d) bayaran-bayaran lain seperti duti eksais, cukai jualan, duti eksport dan bayaran-bayaran lain yang dibayar oleh lombong kepada kerajaan.
- 8.4 Pendapatan daripada perkhidmatan perindustrian yang diberikan**
 Merujuk kepada pendapatan yang diperoleh oleh pertubuhan ini bagi perkhidmatan yang diberikan kepada pertubuhan lain pada tahun rujukan.
- 8.4.1 Bayaran diterima bagi kerja memproses yang dibuat untuk pertubuhan lain yang menggunakan bahan mereka sendiri**
 Merujuk kepada pendapatan yang diterima melalui apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan ini dengan menggunakan bahan yang dibekalkan sendiri oleh pihak pengguna.
- 8.4.1.1 Peratus (%) pendapatan yang diterima dari luar negara bagi kerja memproses yang dibuat untuk pertubuhan lain**
 Merujuk kepada peratus bagi pendapatan yang diterima dari luar negara bagi kerja memproses yang dibuat untuk pertubuhan lain.
- 8.4.2 Pendapatan daripada kerja membaiki dan menyelenggara jentera dan kelengkapan pertubuhan lain**
 Merujuk kepada semua pendapatan yang diperoleh daripada kerja-kerja membaiki, menyelenggara jentera dan kelengkapan pertubuhan lain. Harga invois hendaklah termasuk kos pekerja dan bayaran untuk bahan yang dibekalkan oleh pertubuhan ini semasa menjalankan kerja-kerjanya.
- 8.4.2.1 Peratus (%) pendapatan yang diterima dari luar negara bagi kerja memperbaiki dan menyelenggara jentera dan kelengkapan untuk pertubuhan lain**
 Merujuk kepada peratus bagi pendapatan yang diterima dari luar negara bagi kerja membaiki dan menyelenggara jentera dan kelengkapan untuk pertubuhan lain.
- 8.5 Tambang pengangkutan barangan selain daripada produk utama dengan menggunakan kenderaan sendiri**
 Bayaran yang diterima daripada pembeli untuk kegunaan kenderaan pengangkutan sendiri seperti lori, van, kapal dan sebagainya untuk mengangkut barangan selain daripada produk utama.
- 8.6 Nilai jualan (daripada barang / bahan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya)**
 Merujuk kepada nilai jualan bagi semua barang yang dijual dalam keadaan yang sama seperti tanpa melalui proses selanjutnya sama ada jualan semua itu adalah jualan borong atau jualan runcit.

8.7 Jualan daripada produk sampingan

Sila beri butiran jenis produk sampingan lain seperti granit, tanah liat, pasir dan lain-lain yang dijual. Penilaian jualan adalah nilai kasar yang diinvois kepada pelanggan, tolak diskaun dan rebet, dan elaun ke atas pemulangan barangan yang dibenarkan kepada pelanggan.

8.8 Jualan daripada produk yang dibuat / diproses / dipasang

Merujuk kepada jualan barang yang dilakukan dalam tahun rujukan, sama ada yang telah dibuat oleh sesebuah pertubuhan, pada tahun rujukan atau tahun sebelumnya. Hanya jualan barang yang dibuat / diproses / dipasang daripada bahan mentah sendiri atau dibeli perlu dilaporkan. Barang yang dibeli dan dijual semula tanpa proses dalam kilang tidak perlu diambil kira. Produk yang dibuat dan dipindahkan kepada pertubuhan lain di bawah milik yang sama dengan pertubuhan tuan hendaklah dimasukkan.

Penilaian kepada barang jualan hendaklah mengikut nilai harga di pertubuhan yang dikenakan kepada pelanggan. Penilaian hendaklah memasukkan semua bayaran duti dan cukai yang dikenakan ke atas produk-produk semasa barang ini dikeluarkan daripada pertubuhan ini. Subsidi yang diterima perlu dikecualikan. Rebet, diskaun dan elaun ke atas pemulangan barang yang dibenarkan kepada pelanggan perlu ditolakkan.

8.8.1 Merujuk kepada peratus bagi eksport berdasarkan nilai jualan pada tahun rujukan.

8.9 Nilai kerja pembinaan yang dibuat

Jumlah nilai kerja pembinaan adalah termasuk kerja pembinaan baharu, pembaikan besar, pemuliharaan, pengubahan dan pembaikan serta penyelenggaraan semasa yang telah dijalankan pada tahun itu untuk pemilik / pelabur projek. Pembinaan terhadap unit sendiri dengan menggunakan akaun dan tenaga buruh unit tersebut untuk dijadikan sebagai modal harta tetap hendaklah **dikecualikan**, contohnya tempat penginapan sementara yang dibina untuk pekerja binaan.

8.10 Pendapatan daripada bayaran royalti yang diterima ke atas tanah sendiri

Merujuk kepada bayaran yang dibayar oleh pengusaha lombong kepada tuan tanah, sama ada orang perseorangan atau pertubuhan bukan kerajaan bagi hasil mineral / bahan batuan / pasir yang dikeluarkan. Bayaran royalti ini dibayar mengikut sesuatu perjanjian yang dipersetujui di antara tuan tanah lombong yang memajak daripada kerajaan, dengan pengusaha lombong. Perkara ini merujuk kepada bayaran royalti yang **diterima** daripada pertubuhan atau individu lain kepada pertubuhan ini.

8.11 Pendapatan output lain t.t.t.l. (cth. skrap, tenaga elektrik, produk sisa dsb.)

Merujuk kepada nilai yang diterima oleh pertubuhan hasil daripada jualan output lain seperti skrap, elektrik yang dijana, produk sisa dan sebagainya.

8.12 Pendapatan daripada perkhidmatan profesional (cth. perakaunan, pengurusan, kejuruteraan, guaman, penyelidikan dan pembangunan dsb.)

Merujuk kepada nilai pendapatan yang diperoleh oleh pertubuhan bagi perkhidmatan profesional yang diberikan seperti perakaunan, pengurusan, kejuruteraan dan sebagainya.

8.13 Komisen dan brokeraj yang diterima

Merujuk kepada komisen dan brokeraj yang diperoleh oleh pertubuhan sebagai upah menjual barang atau perkhidmatan lain.

8.14 Pendapatan daripada sewa lain-lain

Merujuk kepada:

(a) Tanah

Merujuk kepada pendapatan yang diterima untuk kegunaan tanah berdasarkan penyewaan atau pajakan.

(b) Bangunan tempat kediaman

Merujuk kepada pendapatan yang diterima sebagai sewaan daripada bangunan / premis tempat kediaman pertubuhan ini kepada pertubuhan lain.

(c) Bangunan bukan tempat kediaman

Merujuk kepada pendapatan yang diterima sebagai sewaan daripada bangunan / premis bukan tempat kediaman pertubuhan ini kepada pertubuhan lain.

(d) Alat pengangkutan

Pendapatan daripada penyewaan pengangkutan tanpa pengendalinya.

(e) Jentera dan kelengkapan

Merujuk kepada semua pendapatan yang diterima sebagai sewaan daripada jentera dan kelengkapan.

(f) Perabot dan pemasangan

Pendapatan yang diterima daripada penyewaan perabot.

(g) Lain-lain

Pendapatan daripada sewaan selain daripada yang dinyatakan di atas.

8.15 Royalti, hakcipta, pelesenan dan yuran francais

Merujuk kepada pendapatan yang diperoleh daripada bayaran royalti, hakcipta, pelesenan dan yuran francais yang diterima.

8.16 Pendapatan bukan operasi

Merujuk kepada:

(a) Subsidi:

(i) Gaji dan upah

Subsidi ke atas gaji dan upah merupakan bantuan yang diterima oleh perusahaan (samaada untuk Majikan, Pekerja atau Pekerja bekerja sendiri) daripada Kerajaan samaada dari Kerajaan persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan, Badan Berkanun kerajaan atau Institusi bukan untung (dikawalselia oleh kerajaan)) merupakan subsidi ke atas gaji dan upah. Bantuan ini supaya majikan berterusan membayar gaji pekerjanya, dengan tujuan untuk kembali melakukan pengeluaran atau berterusan melakukan pengeluaran tanpa menghentikan operasi pengeluaran. Merujuk kepada PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU) adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan.

Tujuan PSU ialah untuk membantu perusahaan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 serta mengelakkan penutupan operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) supaya operasi syarikat dapat diteruskan serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan pengeluaran barang dan perkhidmatan masih berterusan.

(ii) Produk

Subsidi yang dibayar bagi satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ini mungkin dalam amaun spesifik bagi satu unit kuantiti barang atau perkhidmatan, atau ia mungkin dikira ad valorem sebagai peratusan spesifik harga satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ke atas produk biasanya perlu dibayar apabila barang atau perkhidmatan dikeluarkan, dijual atau diimport, tetapi ia juga dibayar dalam keadaan lain seperti apabila barang dipindah, dipajak, dihantar atau untuk penggunaan sendiri atau pembentukan modal sendiri. Subsidi mungkin diberikan untuk mempengaruhi tahap pengeluaran pengusahaan residen atau harga di mana output dijual.

(iii) Pengeluaran

Ia mengandungi subsidi kecuali subsidi ke atas produk yang mana enterpris residen mungkin menerimanya hasil daripada penglibatan dalam pengeluaran.

(b) Tuntutan dan pampasan yang diterima

Pendapatan daripada tuntutan dan pampasan yang diterima.

(c) Pemulihan hutang lapuk

Pendapatan daripada pemulihan hutang lapuk.

(d) Pendapatan daripada faedah

Pendapatan daripada faedah yang diterima.

(e) Pendapatan daripada dividen

Pendapatan daripada dividen yang diterima.

(f) Keuntungan daripada jualan / penilaian semula harta

Pendapatan daripada keuntungan daripada jualan / penilaian semula harta.

(g) Keuntungan daripada pertukaran mata wang asing / aset kewangan

Pendapatan daripada keuntungan daripada pertukaran mata wang asing/aset kewangan.

(h) Kiriman wang, hadiah atau geran yang diterima

Pendapatan daripada kiriman wang, hadiah atau geran yang diterima daripada Kerajaan, Badan Berkanun, Organisasi bukan kerajaan atau tajaan korporat.

(i) Lain-lain pendapatan bukan operasi (sila nyatakan)

8.17 Lain-lain pendapatan operasi

Sila nyatakan pendapatan operasi yang diterima selain daripada yang dinyatakan di atas sekiranya ada.

8.18 Sila tandakan sekiranya pertubuhan ini terlibat dengan aktiviti e-sukan

Jika 'Ya' sila nyatakan jumlah pendapatan dalam aktiviti e-sukan ini.

Sukan elektronik (juga dikenali sebagai e-sukan) adalah suatu bentuk pertandingan yang menggunakan permainan video. E-sukan kebiasaannya terdiri daripada penganjur, pertandingan permainan video berbilang pemain, terutamanya di antara pemain profesional, sama ada secara individu atau berpasukan. Tidak seperti sukan tradisional seperti bola sepak dan badminton, pemain e-sukan bersaing secara maya melalui platform permainan seperti komputer peribadi, *console* dan *mobile* sebagai gantinya.

8.19 Jumlah pendapatan

Sila jumlahkan **8.1** hingga **8.18**.

8.20 Pindahan modal yang diterima

Merujuk kepada transaksi di mana sebuah institusi memindahkan harta kewangan atau harta tetap kepada institusi lain tanpa membayar semula sama ada berbentuk barangan, perkhidmatan atau harta daripada pihak pemberi.

8.21 Jumlah besar

Sila jumlahkan **8.19** dan **8.20**.

SOALAN 9: PERBELANJAAN

Data yang dilaporkan dalam soalan ini mestilah berasaskan kepada Akaun Untung & Rugi / Penyata Kewangan dan dokumen sokongan lain bagi tahun rujukan **2021**. Sila berikan nilai anggaran yang terbaik sekiranya akaun tidak tersedia atau belum dimuktamadkan.

9.1 Kos bahan mentah / komponen / bahagian yang digunakan

Merujuk kepada kos semua barang yang dimiliki dan telah digunakan pada tahun rujukan untuk menghasilkan pengeluaran bagi pertubuhan ini. Bahan-bahan yang digunakan dalam pengeluaran harta tetap untuk kegunaan sendiri perlu dimasukkan. Nilai bahan yang digunakan hendaklah pada **kos barang-barang yang diserahkan di pertubuhan tolak diskaun dan pemulangan** termasuk stok awal tolak stok akhir, bayaran pengangkutan, cukai dan duti yang dibayar terhadap bahan-bahan dan bayaran insurans.

9.2 Bahan dan bekas pembungkus

Merujuk kepada perbelanjaan ke atas bahan dan bekas pembungkus yang digunakan dalam tahun rujukan.

9.3 Bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan

Merujuk kepada nilai yang dibayar untuk bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan yang dibuat kepada pertubuhan lain.

9.4 Keperluan aktiviti perlombongan / pengkuarian (cth. alat-alat dan barang keperluan semasa)

Merujuk kepada perbelanjaan keperluan bagi aktiviti perlombongan dan pengkuarian yang tidak dikelaskan sebagai harta tetap tetapi diperlukan bagi melicinkan operasi pengeluaran.

9.5 Alat tulis dan bekalan pejabat

Merujuk kepada perbelanjaan untuk alat tulis dan bekalan pejabat yang digunakan.

9.6 Air yang dibeli

Merujuk kepada bayaran penggunaan air. Jika bayaran bagi tenaga elektrik dan air digabungkan dalam akaun yang sama, sila berikan anggaran perbelanjaan untuk air yang telah digunakan.

9.7 Tenaga elektrik yang dibeli

Merujuk kepada bayaran penggunaan tenaga elektrik. Jika bayaran bagi tenaga elektrik dan air digabungkan dalam akaun yang sama, sila berikan anggaran perbelanjaan untuk tenaga elektrik yang telah digunakan.

9.8 Bahan pembakar, pelincir dan gas

Merujuk kepada perbelanjaan pembelian bahan api (cth. diesel, petrol, minyak relau, minyak pembakar), pelincir (cth. minyak pelincir, gris) dan gas (cth. gas petroleum cecair, gas asli, gas asli untuk kenderaan (NGV)) yang digunakan.

9.9 Kos barang yang dijual (barang / bahan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya)

Laporkan nilai kos barang yang dijual bagi semua barang / bahan yang dijual semula dalam keadaan yang sama seperti dibeli tanpa melalui proses selanjutnya sama ada jualan secara borong atau runcit.

9.10 Bayaran kepada kontraktor peletupan, penghancuran batu dan palong lombong

Sila laporkan perincian di muka surat 42.

9.11 Bayaran bagi kerja memproses yang dibuat oleh pihak lain yang menggunakan bahan yang dibekalkan oleh pertubuhan ini (cth. pemindahan tanah permukaan dan pengangkutan dalam kawasan lombong / kuari)

Merujuk kepada pembayaran untuk kerja memproses yang dibuat oleh pihak lain pada tahun rujukan ke atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh pertubuhan ini. Pembayaran yang dibuat kepada pekerja-pekerja di rumah (individu yang diambil bekerja oleh pertubuhan yang menjalankan kerja di rumah mereka sendiri, biasanya upah dibayar mengikut kuantiti kerja yang dibuat) juga dimasukkan dalam perkara ini.

9.12 Bayaran pembaikan dan penyelenggaraan semasa yang dibuat oleh pihak lain bagi harta tetap pertubuhan ini

Merujuk kepada jumlah kos kerja-kerja rutin pembaikan dan penyelenggaraan rutin yang dibuat oleh pihak lain ke atas harta tetap pertubuhan seperti bangunan, alat pengangkutan, jentera & kelengkapan, perabot & pemasangan dan komputer. Walau bagaimanapun, pembaikan besar yang bersifat modal hendaklah dilaporkan pada **Soalan 4** di ruangan **(0413)** yang bersesuaian sebagai perbelanjaan modal.

9.13 Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan

Merujuk kepada perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). R&D ialah kajian sistematik pada proses, teknik, penggunaan & produk baharu.

(a) Dalaman

Peratusan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pertubuhan itu sendiri bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan.

(b) Sumber luaran

Peratusan perbelanjaan yang dibayar kepada pertubuhan lain bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan.

9.14 Pengangkutan barang (pengangkutan keluar)

Merujuk kepada bayaran untuk perkhidmatan pengangkutan barang daripada hasil proses pengeluaran / pemindahan harta tetap.

9.15 Perbelanjaan perjalanan (termasuk perjalanan dalam dan luar negara, bil petrol / diesel dan bayaran letak kereta sendiri)

Merujuk kepada perbelanjaan yang dibiayai oleh pertubuhan untuk menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti perbelanjaan perjalanan, penginapan, makan, bil, petrol / diesel, bayaran letak kereta dan perbelanjaan lain yang berkaitan.

9.16 Bayaran perakaunan, kesetiausahaan dan audit

Merujuk kepada bayaran perkhidmatan perakaunan, pengauditan, percukaian dan tugas kesetiausahaan yang dibuat oleh pertubuhan perakaunan, kesetiausahaan dan audit.

9.17 Bayaran guaman

Merujuk kepada bayaran perkhidmatan guaman.

9.18 Bayaran pengurusan

Merujuk kepada bayaran perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh pertubuhan lain atau individu untuk pengurusan perancangan, organisasi, kos projek dan sumber tenaga manusia.

9.19 Perbelanjaan keraian

Merujuk kepada perbelanjaan untuk meraikan pelanggan perniagaan oleh pertubuhan.

9.20 Bayaran pos (termasuk perkhidmatan kurier)

Merujuk kepada bayaran untuk perkhidmatan pos yang meliputi pengambilan, pengangkutan dan penyerahan surat, surat khabar, majalah berkala, bahan bercetak lain, dan bungkusan. Termasuk juga perkhidmatan sewaan peti surat.

9.21 Bayaran bank

Merujuk kepada caj bank yang dikenakan oleh institusi kewangan (cth. bayaran buku cek, draf bank, surat kredit, komisen dan yuran berkaitan dengan transaksi saham).

9.22 Premium insurans dibayar ke atas bangunan, jentera, alat pengangkutan dan barang

Merujuk kepada premium insurans yang dibayar oleh pertubuhan ini ke atas bangunan, jentera dan kelengkapan, alat pengangkutan dan barangan (tidak termasuk insurans pampasan pekerja).

9.23 Komisen dan bayaran agensi

Merujuk kepada caj bank yang dikenakan oleh institusi kewangan (cth. bayaran buku cek, draf bank, surat kredit, komisen dan yuran berkaitan dengan transaksi saham).

9.24 Pengiklanan dan promosi

Merujuk kepada bayaran untuk pengiklanan atau promosi barangan, perkhidmatan dan nama syarikat atau perniagaan melalui media seperti surat khabar, televisyen, radio, internet atau media lain, sama ada tempatan atau luar negara.

9.25 Bayaran perkhidmatan profesional lain (cth. bayaran perundingan arkitek, kejuruteraan, juruukur dsb.)

Merujuk kepada bayaran perkhidmatan profesional kepada syarikat perunding arkitek, kejuruteraan, juruukur dan sebagainya.

9.26 Bayaran pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat

Merujuk kepada bayaran perkhidmatan pemprosesan dan tabulasi data (tangkapan data dan pemindahan data dari pelbagai medium).

9.27 Bayaran telekomunikasi (cth. telefon, internet dsb.)

Merujuk kepada bayaran untuk perkhidmatan telekomunikasi yang meliputi telefon, telegram, kabel penyiaran, satelit, mel elektronik dan internet.

9.28 Lain-lain bayaran perkhidmatan bukan perindustrian (sila nyatakan)

Merujuk kepada bayaran yang telah dibuat ke atas perkhidmatan bukan perindustrian lain contohnya bayaran perkhidmatan lain seperti bayaran tol, feri, pemanduan, penundaan dan pelabuhan yang tidak terkelas dalam mana-mana **perkara 9.13 hingga 9.26**.

9.29 Bayaran sewa

Merujuk kepada sewaan ke atas tanah dan juga sewaan operasi lain seperti bangunan / premis, jentera dan kelengkapan, kenderaan bermotor dan jenis pengangkutan serta lain-lain harta.

(a) Tanah

Merujuk kepada bayaran untuk kegunaan tanah berdasarkan penyewaan atau pajakan ke atas tanah pertubuhan lain / individu oleh pertubuhan ini.

(b) Sewaan operasi (tidak termasuk bayaran bagi sewa tanah) dan lain-lain

Ia merujuk kepada bayaran sewa untuk menyewa bangunan / premis, jentera dan kelengkapan, alat pengangkutan dan harta lain selain daripada sewa tanah.

9.30 Susut nilai / perlunasan semasa ke atas harta tetap

Merujuk kepada jumlah yang dilaporkan bagi tempoh tahun rujukan seperti di **Soalan 4 di medan 041699**.

9.31 Bayaran faedah

Merujuk kepada bayaran faedah tahunan yang dibayar ke atas pinjaman yang diambil oleh pertubuhan daripada institusi kewangan.

9.32 Bayaran royalti

Merujuk kepada bayaran bagi penggunaan lesen barang atau perkhidmatan (cth. paten, hakcipta, tanda niaga, francais dan sebagainya) berdasarkan perjanjian perlesenan.

(a) Kerajaan / Badan Berkanun

Sila nyatakan jenis royalti.

(b) Organisasi bukan kerajaan / tajaan korporat

Sila nyatakan jenis royalti.

9.33 Cukai tidak langsung dan lesen kerajaan seperti:

(a) Cukai ke atas produk:

(i) Cukai eksais dibayar ke atas produk pembuatan sendiri

Merujuk kepada cukai yang perlu dibayar ke atas barang pengeluaran seperti yang tersenarai dalam arahan duti eksais Jabatan Kastam Diraja Malaysia (cth. minuman alkohol, tembakau, kereta dan motosikal); dan

(ii) Cukai eksport

Merujuk kepada cukai yang perlu dibayar apabila sesuatu barang dieksport keluar untuk kegunaan sendiri atau pembentukan modal sendiri.

(b) Cukai lain ke atas pengeluaran:

(i) Taksiran (ke atas tanah dan bangunan) dan cukai tanah

Merujuk kepada cukai ke atas bangunan yang dikutip oleh pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan bayaran cukai tanah yang dikutip oleh Pejabat Tanah dan Galian Daerah;

(ii) Cukai jalan

Merujuk kepada cukai jalan yang dibayar kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk kenderaan bermotor; dan

(iii) Bayaran pendaftaran perniagaan, lesen memandu dan sebagainya

Merujuk kepada bayaran pendaftaran perniagaan termasuk koperasi kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

(iv) Bayaran premium ke atas pajakan (yang dibayar kepada pejabat tanah)

(c) Cukai perkhidmatan atau cukai jualan

Merujuk kepada cukai yang dikenakan bagi perkhidmatan atau jualan.

9.34 Perbelanjaan bukan operasi

Merujuk kepada semua perbelanjaan tidak langsung yang dikeluarkan oleh pertubuhan termasuk kerugian pertukaran mata wang asing, kerugian daripada jualan, hutang lapuk dihapuskan dan pindahan semasa.

(a) Kerugian daripada pertukaran wang asing / aset kewangan

(b) Kerugian daripada jualan / penilaian semula harta

(c) Hutang lapuk dihapuskan

(d) Pindahan semasa seperti pindahan wang, hadiah, derma, denda, dsb

(e) Lain-lain perbelanjaan bukan operasi (sila nyatakan)

9.35 Lain-lain perbelanjaan operasi

Sila nyatakan perbelanjaan lain yang tidak dilaporkan di atas (sekiranya ada).

9.36 Kos pekerjaan

(a) Gaji & upah dibayar

Merujuk kepada jumlah yang dilaporkan bagi tempoh tahun rujukan seperti di **Soalan 5C** dan **Soalan 5D** (Jumlah gaji & upah tahunan pekerja lelaki dan perempuan)

(b) Bayaran pampasan, persaraan / pemberhentian kepada pekerja

Merujuk kepada bayaran oleh majikan kepada pekerja apabila mereka bersara atau berhenti kerja.

(c) Bayaran berbentuk manfaat kepada pekerja bergaji

(i) Rawatan perubatan percuma

Merujuk kepada bayaran untuk rawatan perubatan kepada pekerja oleh pertubuhan; dan

(ii) Lain-lain (cth. makanan percuma, tempat tinggal percuma dsb.)

Merujuk kepada bayaran ke atas makanan, tempat tinggal dan sebagainya yang disediakan secara percuma oleh pertubuhan kepada pekerja.

(d) Caruman majikan kepada kumpulan wang simpanan, skim keselamatan sosial, pencen dan kebajikan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Merujuk kepada caruman majikan yang dibuat oleh pertubuhan kepada KWSP;

(ii) Kumpulan wang simpanan lain

Merujuk kepada caruman majikan yang dibuat oleh pertubuhan kepada kumpulan wang simpanan selain daripada yang ditubuh dan diuruskan oleh kerajaan. Contoh, Koperasi;

(iii) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Merujuk kepada caruman majikan yang dibuat oleh pertubuhan kepada PERKESO;

(iv) Skim keselamatan sosial persendirian (cth. insurans pampasan pekerja)

Merujuk kepada caruman majikan yang dibuat oleh pertubuhan kepada skim keselamatan sosial selain daripada yang dikelolakan oleh kerajaan seperti insurans pampasan pekerja; dan

(v) Skim bayaran pampasan, persaraan / pemberhentian

Merujuk kepada caruman majikan yang dibuat oleh pertubuhan kepada skim bayaran pampasan, persaraan atau pemberhentian selain daripada yang dikelolakan oleh kerajaan.

(e) Bayaran kepada pengarah tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah

Merujuk kepada bayaran oleh pertubuhan kepada pengarah yang tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

(f) Nilai pakaian percuma yang disediakan

Merujuk kepada nilai pakaian yang diberikan secara percuma kepada pekerja seperti pakaian seragam, pakaian luar dan pakaian kerja.

(g) Kos latihan kepada pekerja

Merujuk kepada kos latihan, bengkel dan persidangan pekerja yang dibiayai oleh majikan, sama ada dalam atau luar negara.

(h) Kos pengangkutan pekerja (pergi dan balik dari tempat kerja)

Merujuk kepada kos pengangkutan pekerja pergi dan balik dari tempat kerja yang diuruskan oleh pertubuhan seperti perkhidmatan bas kilang.

(i) Bayaran levi pekerja

Merujuk kepada bayaran yang dibayar pada tahun rujukan oleh majikan pekerja asing kepada Kerajaan. Bayaran levi adalah bagi pembantu rumah RM410, pekerja ladang dan pertanian RM640, manakala bagi sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan RM1,850.

(j) Perbelanjaan pembayaran berasaskan saham kepada pekerja (termasuk saham & pilihan saham)

Merujuk kepada jumlah perbelanjaan yang ditanggung daripada urus niaga pembayaran berasaskan saham untuk saham prestasi pekerja atau pilihan saham, yang ditawarkan oleh syarikat kepada pekerja yang bekerja sebagai sebahagian daripada pakej imbuhan mereka.

(k) Kos pekerja lain (sila nyatakan)

Sila nyatakan lain-lain kos pekerja jika ada.

9.37 Bayaran kepada pertubuhan lain yang membekalkan pekerja

Merujuk bayaran kepada pertubuhan lain yang membekalkan pekerja bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan.

9.38 Bayaran bagi perkhidmatan keselamatan

Merujuk kepada bayaran bagi perkhidmatan keselamatan seperti polis pengiring untuk pemindahan barang letupan dan perkhidmatan pengawal keselamatan untuk mengeluarkan wang dari bank.

9.39 Perbelanjaan mengurus yang berkaitan untuk mengurangkan pencemaran

Merujuk kepada jumlah perbelanjaan mengurus yang berkaitan untuk mengurangkan pencemaran.

9.40 Sila tandakan sekiranya pertubuhan ini terlibat dengan aktiviti e-sukan.

Jika 'Ya' sila nyatakan jumlah perbelanjaan dalam aktiviti e-sukan ini

Sukan elektronik (juga dikenali sebagai e-sukan) adalah suatu bentuk pertandingan yang menggunakan permainan video. E-sukan kebiasaannya terdiri daripada penganjur, pertandingan permainan video berbilang pemain, terutamanya di antara pemain profesional, sama ada secara individu atau berpasukan. Tidak seperti sukan tradisional seperti bola sepak dan badminton, pemain e-sukan bersaing secara maya melalui platform permainan seperti komputer peribadi, *console* dan *mobile* sebagai gantinya.

9.41 Jumlah perbelanjaan

Sila jumlahkan **9.1 hingga 9.40**.

9.42 Pindahan modal yang dibuat

Merujuk kepada harta modal yang mana hak untuk mengguna telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa menerima pulangan sama ada dalam bentuk barangan, perkhidmatan atau harta.

9.43 Perbelanjaan pajakan kewangan

Merujuk kepada jumlah bayaran ke atas penyewaan atau pemajakan harta tetap yang akan dimiliki akhirnya.

9.44 Dividen dibayar

Merujuk kepada untung yang dibahagikan kepada ahli-ahli atau pemegang saham.

9.45 Cukai langsung dibayar (cth. cukai syarikat dan duti setem)

Merujuk kepada cukai langsung yang perlu dibayar secara langsung kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri pada tahun rujukan. Duti setem untuk dokumen perjanjian atau kontrak dan duti hiburan untuk aktiviti perniagaan hiburan juga termasuk di dalam perkara ini.

9.46 Bayaran royalti untuk kegunaan tanah lombong orang / pertubuhan lain

Merujuk kepada bayaran yang dibayar oleh pengusaha lombong kepada tuan tanah, sama ada orang perseorangan atau pertubuhan bukan kerajaan bagi hasil mineral / bahan batuan / pasir yang dikeluarkan. Bayaran royalti ini dibayar mengikut sesuatu perjanjian yang dipersetujui di antara tuan tanah lombong yang memajak daripada kerajaan, dengan pengusaha lombong. Perkara ini merujuk kepada bayaran royalti yang **dibayar** kepada pertubuhan atau individu lain oleh pertubuhan ini.

9.47 Jumlah besar

Sila jumlahkan **9.41 hingga 9.46**.

SOALAN 10: NILAI STOK

Sila laporkan nilai stok awal dan stok akhir mengikut jenis stok yang dimiliki atau dikawal oleh pertubuhan tanpa mengambil kira di mana ia disimpan. Perkara ini tidak perlu dilaporkan sekiranya nilai stok tidak dinyatakan dalam penyata kira-kira.

SOALAN 11: KEUNTUNGAN / KERUGIAN SEBELUM CUKAI

11.1 Sila laporkan nilai keuntungan atau kerugian bersih sebelum cukai bagi **tahun semasa (2021)** dan **tahun sebelum (2020)** seperti yang dilaporkan dalam Akaun Untung & Rugi.

11.2 Sekiranya terdapat pertukaran aktiviti atau perbezaan keuntungan / kerugian (**> atau <30%**) berbanding dengan tahun sebelum, sila tandakan sebab-sebab di bawah:

(a) Perubahan model perniagaan

Merujuk perniagaan akibat daripada perubahan dalam strategi atau proses yang ada di pertubuhan yang telah digunakan pada masa lalu. Perubahan juga menjadi transformasi yang direka bentuk untuk menjadi organisasi yang baharu.

- (b) Kadar pertukaran mata wang**
Mengambil kira kesan turun naik kadar pertukaran mata wang ke wang lain. Cth. kadar pertukaran nilai Ringgit Malaysia dapat ditukar kepada dolar dalam pasaran.
- (c) Perubahan harga barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan**
Perubahan dari segi harga atau kuantiti terkini barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan.
- (d) Memberi kontrak kepada pertubuhan luar**
Satu persetujuan berkontrak untuk membayar sesebuah entiti luar bagi melaksanakan kerja pertubuhan.
- (e) Perubahan organisasi**
Proses pengubahan strategi, prosedur, teknologi dan budaya dalam pertubuhan.
- (f) Perubahan dalam kos tenaga buruh atau bahan mentah**
Perubahan jumlah gaji yang dibayar serta perubahan dalam jumlah kos bagi semua komponen dalam stok yang tidak digunakan untuk kerja dalam pemprosesan atau produk siap.
- (g) Bencana alam**
Kejadian semulajadi seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi yang menyebabkan kerosakan teruk.
- (h) Kemelesetan**
Kemelesetan ekonomi untuk suatu tempoh di mana aktiviti perdagangan dan perindustrian berkurangan.
- (i) Pertukaran produk**
Pertukaran produk baharu daripada yang sedia ada.
- (j) Unit perniagaan dijual**
Perniagaan yang dijual bagi menampung kerugian / keuntungan.
- (k) Perluasan**
Merujuk kepada pembukaan cawangan baharu di lokasi yang berbeza dan mengekalkan perniagaan di lokasi sama.
- (l) Kontrak baharu / hilang**
Penerimaan kontrak baharu / hilang dalam perniagaan.
- (m) Penutupan kilang / premis**
Pemberhentian operasi di kilang / premis.
- (n) Pengambilalihan unit-unit perniagaan**
Pengambilan unit perniagaan beserta kepentingan menjadi satu perniagaan baharu.
- (o) Mogok atau sekatan**
Kekecohan yang dianjurkan oleh pekerja atau persatuan sebagai satu protes.
- (p) Perubahan ke arah automasi**
Automasi merupakan penggunaan teknologi (mesin atau teknologi maklumat) untuk mengurangkan penglibatan tenaga manusia dalam proses pengeluaran.
- (q) Lain-lain**
Sila nyatakan.

SOALAN 12: AIR, PELINCIR, BAHAN PEMBAKAR DAN TENAGA ELEKTRIK YANG DIGUNAKAN

12.1 Air

Kuantiti dan nilai air yang digunakan pada tahun rujukan hendaklah dilaporkan dalam ruangan yang berkaitan.

12.1.1 Air yang dibeli

Merujuk kepada bayaran dan kuantiti air yang dibeli.

12.1.2 Air yang diabstrak

Merujuk kepada jumlah air yang dikeluarkan dari mana-mana sumber sama ada secara tetap ataupun sementara dalam jangka masa tertentu.

Sila nyatakan peratusan air diabstrak mengikut sumber

- (i) Air permukaan (cth. Sungai, Empangan, Tasik)
- (ii) Air bawah tanah
- (iii) Air laut

(a) Air yang diabstrak untuk kegunaan sendiri

Air diabstrak untuk digunakan sendiri daripada sumber air permukaan, air bawah tanah dan air laut bagi tujuan aktiviti pengoperasian dan sanitasi

(b) Air yang diabstrak untuk dijual / diagihkan

Air diabstrak daripada sumber air permukaan, air bawah tanah dan air laut yang dirawat untuk dijual kepada pertubuhan lain (abstraksi untuk pengagihan).

12.1.3 Air yang digunakan semula

Merujuk kepada air sisa terhasil yang tidak dilepaskan ke dalam sistem pembetungan. Ia akan dibekalkan kepada pengguna / pertubuhan lain untuk penggunaan selanjutnya dengan atau tanpa rawatan terlebih dahulu. Ia juga biasanya dirujuk sebagai air pulih guna.

12.1.4 Air yang dimasukkan ke dalam produk (cth. minuman, makanan, dll)

Merujuk kepada kuantiti air yang dimasukkan ke dalam produk yang dikeluarkan oleh pertubuhan, biasanya industri pembuatan (cth. penggunaan air dalam pembuatan minuman).

12.1.5 Air sisa yang dilepaskan / dibuang

Merujuk kepada anggaran kuantiti air yang tidak lagi diperlukan / air dibuang. Air sisa boleh dibekalkan ke fasiliti pembetungan (di mana ia direkodkan sebagai air kumbahan ke pembetungan) atau dilepaskan terus ke alam sekitar melalui air permukaan, air bawah tanah dan laut.

12.2 Pelincir

Nilai pelincir yang digunakan pada tahun rujukan hendaklah dilaporkan dalam ruangan yang berkaitan.

12.3 Bahan pembakar

Kuantiti dan nilai bahan pembakar yang digunakan mengikut jenis pada tahun rujukan mestilah dilaporkan. Kuantiti dan nilai petrol, diesel dan bahan pembakar lain yang digunakan untuk kenderaan dan mesin hendaklah dimasukkan.

12.4 Tenaga elektrik

12.4.1 Tenaga elektrik yang dibeli

Kuantiti dan nilai bagi tenaga elektrik yang dibeli pada tahun rujukan hendaklah dilaporkan dalam ruangan yang berkaitan.

12.4.2 Tenaga elektrik yang dijana

Kuantiti dan nilai bagi tenaga elektrik yang dijana pada tahun rujukan hendaklah dilaporkan dalam ruangan yang berkaitan. Kuantiti dan nilai kuasa hidro, solar, biomass, biogas dan tenaga elektrik lain yang dijana.

12.4.3 Jika soalan 12.4.2 diisi, sila nyatakan peratus kegunaan sendiri.

12.5 Jumlah

Sila jumlahkan **12.1** hingga **12.4**.

SOALAN 13: PENGELUARAN DAN JUALAN PRODUK MINERAL DAN KUARI

Soalan ini dibahagikan kepada **TIGA** subsektor iaitu

A: Perlombongan mineral

B: Pengkuarian batu

C: Pengekstrakan pasir

- 13.1** Sila laporkan kuantiti pengeluaran dan nilai di lombong / kuari bagi semua jenis mineral / produk kuari / pasir yang **dikeluarkan** oleh pertubuhan ini sama ada untuk dijual, atau disimpan dalam stok pada tahun rujukan **2021** di **kolum 1331** dan **1332**. Nyatakan juga unit kuantiti (tan, kilogram, gram dan sebagainya) dan nilai jualan bagi semua jenis mineral / produk kuari / pasir yang **dijual** pada tahun rujukan **2021** di **kolum 1333 dan 1334**. Sila nyatakan jika tiada unit dinyatakan atau unit yang dinyatakan dalam soal selidik adalah berlainan daripada unit yang digunakan.
- 13.2 Mineral / produk kuari / pasir** yang dikeluarkan dalam tahun rujukan **2021** dan dipindahkan ke pertubuhan lain di bawah hak milik dan kawalan yang sama hendaklah dilaporkan. Mineral / produk kuari / pasir ini hendaklah dinilai mengikut nilai yang dimasukkan ke dalam buku akaun. Barangan yang dikeluarkan untuk kegunaan di dalam lombong / kuari (iaitu barangan perantaraan) hendaklah dikecualikan.
- 13.3** Nilai keluaran produk mineral / kuari / pasir hendaklah berasaskan kepada nilai di lombong / kuari bagi kuantiti yang dikeluarkan. Penilaian hendaklah berdasarkan kepada nilai pasaran produk mineral / kuari / pasir selepas diskaun dan rebet yang dikenakan kepada pelanggan dan ditolak semua perbelanjaan pengagihan yang sebenar dibayar seperti:
- (a) bayaran untuk memulangkan balik barangan atau bungkusan lain dan hal-hal lain yang dibenarkan kepada pelanggan;
 - (b) bayaran untuk pengangkutan keluar yang dibayar kepada pertubuhan lain, contohnya kos pengangkutan, premium insurans, bayaran untuk penyimpanan dan lain-lain;
 - (c) komisen kepada wakil penjual dan sebagainya; dan
 - (d) bayaran lain seperti duti eksais, cukai jualan, duti eksport dan bayaran tambahan lain yang dibayar oleh lombong / kuari kepada Kerajaan.

SOALAN 14: KOS BAHAN DAN BEKALAN YANG DIGUNAKAN

- 14.1** Termasuk semua barangan yang dimiliki oleh pertubuhan ini yang telah digunakan dalam proses perlombongan pada tahun rujukan. Nilai barangan yang diberikan kepada pekerja dengan percuma atau pada harga yang dikurangkan tidak perlu dimasukkan di sini. Pertubuhan ini dikehendaki melaporkan bahan dan bekalan yang sebenarnya digunakan pada tahun tersebut.
- 14.2** Semua bahan mentah atau yang diproses, termasuk bahan kimia dan sebagainya yang digunakan oleh pertubuhan ini hendaklah dilaporkan di dalam **soalan ini** mengikut perkara yang ditentukan dan dalam unit kuantiti tertentu. Jika terdapat perkara yang tidak dapat ditentukan, pertubuhan hendaklah menyenaraikan semua bahan asas yang penting.

- 14.3** Bahan pembungkus, bekalan pejabat dan bekalan lain dan sebagainya hendaklah dimasukkan dan dilaporkan mengikut perkara yang ditentukan. Bahan yang dikeluarkan di lombong tidak perlu dimasukkan. Bahan yang diperolehi daripada pertubuhan lain di bawah hak milik yang sama dan digunakan pada tahun rujukan hendaklah dimasukkan. Jika bahan pembungkus disediakan oleh peniaga atau pelebur dengan percuma, nilai bahan pembungkus tidak perlu dilaporkan sebagai sebahagian daripada kos bahan yang digunakan. Bahan yang kurang penting boleh digabungkan sekali di bawah "bahan dan bekalan lain". Nilai ini tidak melebihi 5% daripada jumlah kos bahan dan bekalan. Jumlah kos bahan dan bekalan yang digunakan di **perkara 14.30** hendaklah sama dengan **jumlah kos bahan dan bekalan** yang dilaporkan di **Soalan 9 perkara 9.1**.
- 14.4** Bahan yang dibeli semata-mata untuk dijual semula tidak perlu dimasukkan.
- 14.5** Bahan yang digunakan dalam pengeluaran harta tetap yang dibuat sendiri untuk kegunaan pertubuhan tersebut hendaklah dimasukkan dalam **perkara 14.29**.
- 14.6** Nilai bahan dan bekalan yang digunakan hendaklah dikira mengikut "kos serahan di lombong tolak diskaun dan pulangan", iaitu hendaklah termasuk bayaran pengangkutan dan bayaran lain, duti, cukai atau levi yang dibayar ke atas bahan tersebut.
- 14.7** Nilai belian bagi barangan yang diperolehi daripada pertubuhan lain di bawah hak milik yang sama boleh dianggap sebagai sama dengan nilai yang dimasukkan ke dalam buku akaun pertubuhan yang menyediakan laporan.
- 14.8** Semua maklumat yang dimasukkan dalam soalan ini hendaklah berkaitan dengan bahan dan bekalan sebenar yang digunakan oleh lombong dalam tahun rujukan. Barang yang dibeli pada atau sebelum tahun rujukan tetapi tidak digunakan dalam tahun rujukan, tidak perlu dimasukkan.
- 14.9** Bahan yang diterima daripada pertubuhan lain untuk sebarang kerja perindustrian yang dibuat untuk mereka atas dasar komisen tidak perlu dimasukkan.
- 14.10** Bahan yang digunakan untuk pembaikan dan penyelenggaraan terhadap harta tetap pertubuhan ini hendaklah dimasukkan mengikut kesesuaian.

SOALAN 15: SUMBER BAGI BAHAN YANG DIGUNAKAN

- 15.1** Merujuk kepada nilai bahan mentah secara langsung yang diperolehi dari sumber tempatan atau import oleh pertubuhan ini pada tahun rujukan.
- 15.2** Sila laporkan peratusan bahan buatan tempatan yang digunakan mengikut negeri / wilayah di Malaysia.

SOALAN 16: JUALAN MENGIKUT NEGERI

Jumlah nilai jualan merujuk kepada nilai jualan domestik, iaitu dikira dengan nilai jualan yang dilaporkan di soalan **8.1, 8.2 dan 8.3** (muka surat **17 dan 18**) tolak jumlah nilai jualan dieksport. Sila laporkan peratus nilai jualan tersebut mengikut negeri / wilayah di Malaysia.

SEKSYEN A: Modul Ekonomi Digital

Bahagian 1: Modul Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

A1 Sila laporkan penggunaan komputer oleh pertubuhan ini dalam tempoh laporan

Penggunaan komputer merujuk kepada komputer meja, komputer mudah alih, komputer riba atau tablet. Ia tidak termasuk peralatan seperti set TV pintar, pembantu digital peribadi (PDA) dan peranti dengan telefon sebagai fungsi utama mereka seperti telefon pintar.

A2 Peratusan bilangan pekerja yang menggunakan komputer semasa bekerja

$$= \left[\frac{\text{Bilangan pekerja yang menggunakan komputer semasa bekerja}}{\text{Jumlah pekerja}} \right] \times 100$$

Pekerja termasuk pemilik bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif, pekerja keluarga yang tidak dibayar, pekerja jangka pendek, pekerja kasual dan semua pekerja pertubuhan yang bekerja.

A3 Sila laporkan penggunaan internet di dalam pertubuhan ini dalam tempoh laporan

Internet adalah rangkaian komputer awam di seluruh dunia. Ia menyediakan akses kepada beberapa perkhidmatan komunikasi termasuk *World Wide Web (WWW)*, e-mel, berita, hiburan, data fail dll.

A4 Peratusan bilangan pekerja yang menggunakan internet semasa bekerja

$$= \left[\frac{\text{Bilangan pekerja yang menggunakan internet semasa bekerja}}{\text{Jumlah pekerja}} \right] \times 100$$

Pekerja termasuk pemilik bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif, pekerja keluarga yang tidak dibayar, pekerja jangka pendek, pekerja kasual dan semua pekerja pertubuhan yang bekerja.

A5 Sila laporkan penggunaan jalur lebar tetap bagi akses / sambungan internet yang digunakan oleh pertubuhan ini dalam tempoh laporan

Jalur lebar tetap merujuk kepada teknologi dengan kelajuan tinggi kepada perkhidmatan akses internet ke rumah dan premis komersial yang disediakan oleh operator rangkaian tetap.

A6 Sila laporkan penggunaan peranti mudah alih bagi akses / sambungan internet yang digunakan oleh pertubuhan ini dalam tempoh laporan

Jalur lebar mudah alih merujuk kepada teknologi pada kelajuan tinggi kepada perkhidmatan akses internet tanpa wayar oleh operator rangkaian mudah alih.

A7 Sila laporkan infrastruktur rangkaian yang terlibat dalam pertubuhan ini

(a) Intranet

Merujuk kepada rangkaian komunikasi dalaman menggunakan protokol internet dan membolehkan komunikasi dalam organisasi. Intranet adalah rangkaian peribadi yang menyediakan perkhidmatan yang serupa dengan perkhidmatan internet, seperti *World Wide Web (WWW)*, Protokol Pemindahan Fail (FTP) dan e-mel dan sebagainya dalam organisasi. Ia tidak semestinya disambungkan ke internet.

- (b) **Extranet**
Merujuk kepada rangkaian tertutup yang menggunakan protokol internet dengan selamat dalam perkongsian maklumat perniagaan dengan pembekal, vendor, pelanggan atau rakan kongsi perniagaan lain. Ia juga boleh menjadi sebahagian daripada laman web peribadi perniagaan, yang mana rakan perniagaan boleh melayari selepas disahkan dalam halaman log masuk. Ia merupakan lanjutan intranet satu organisasi ke rangkaian organisasi terpilih, pelanggan, pembekal dan pekerja mudah alih dan lain-lain supaya pihak-pihak ini mengakses data peribadi dan aplikasi organisasi.
- (c) **Rangkaian kawasan setempat (Local Area Network - LAN)**
LAN ialah rangkaian komunikasi data (biasanya 10/100 Mbps atau 1 Gbps dan 1 Gbps = 1000 Mbps) yang menghubungkan komputer peribadi, stesen kerja dan peranti lain ke dalam kawasan yang terhad (seperti satu bangunan atau kampus dalam radius 1 km).
- (d) **Rangkaian kawasan setempat tanpa wayar (Wireless Local Area Network - WLAN)**
WLAN adalah sejenis rangkaian kawasan setempat yang menggunakan gelombang radio frekuensi tinggi dan bukannya wayar untuk berkomunikasi antara peranti yang dibolehkan oleh rangkaian.
- (e) **Rangkaian kawasan luas (Wide Area Network - WAN)**
WAN ialah rangkaian yang menghubungkan komputer dan peranti yang berkaitan dalam kawasan geografi yang luas, seperti rantau atau negara.
- (f) **Tiada di atas**

A8 Sila nyatakan jika pertubuhan ini mempunyai web presence dalam tempoh laporan.

Web presence merujuk kepada laman web, laman utama atau wujud di laman web entiti lain (termasuk perniagaan yang berkenaan). **Tidak termasuk** sebarang kemasukan dalam direktori dalam talian di mana-mana laman web lain yang mana perniagaan tidak mempunyai kawalan.

A9 Sila nyatakan tujuan penggunaan internet bagi pertubuhan ini dalam tempoh laporan.

Sila tandakan tujuan penggunaan internet untuk pertubuhan anda. Penggunaan internet untuk **tujuan peribadi dikecualikan**.

- (a) Menghantar atau menerima e-mail
- (b) Telefon melalui internet (cth. *Skype, WhatsApp Call*)
- (c) Menghantar informasi atau pesanan dengan segera
- (d) Mendapatkan maklumat berkenaan barangan atau perkhidmatan
- (e) Mendapatkan maklumat dari organisasi kerajaan
- (f) Berhubung dengan organisasi kerajaan (termasuk muat turun / permohonan borang, pembayaran secara *online*)
- (g) Perbankan melalui internet
- (h) Mengakses perkhidmatan kewangan yang lain (cth. Pembelian insuran)
- (i) Penyediaan perkhidmatan pelanggan
- (j) Penghantaran produk secara dalam talian (merujuk kepada produk yang dihantar melalui internet dalam bentuk digital, cth. laporan, perisian, permainan komputer dan perkhidmatan lain dalam talian, cth. perkhidmatan berkaitan komputer atau perkhidmatan maklumat.
- (k) Pemberitahuan jawatan kosong dalaman atau luaran
- (l) Latihan untuk kakitangan (cth. aplikasi e-pembelajaran yang didapati atas intranet atau laman web.
- (m) Lain-lain

A10 Sila nyatakan teknologi digital yang digunakan pertubuhan

- (a) **Laman web** adalah koleksi halaman web yang berkaitan, termasuk kandungan multimedia, biasanya dikenali dengan nama domain umum, dan dipaparkan pada sekurang-kurangnya satu pelayar web.

- (b) **Media sosial** merujuk kepada mereka yang mempunyai profil pengguna, akaun atau lesen pengguna bergantung kepada keperluan dan jenis media sosial. Jenis media sosial adalah rangkaian sosial (cth. *Facebook*), blog Enterprise atau microblogs Enterprise (cth. *Twitter*) dan laman web perkongsian kandungan multimedia (cth. *YouTube*, *Flickr*, *SlideShare*).
- (c) **Internet mudah alih dan teknologi** merujuk kepada aktiviti di mana teknologi, platform, model perniagaan dan aplikasi internet digabungkan dengan teknologi komunikasi mudah alih (cth. peralatan mobile IT, peralatan *Global Positioning System (GPS)*, *wireless debit / credit card payment terminals*).
- (d) **Pengkomputeran awan** merujuk kepada penyampaian sumber pengkomputeran (perkakasan dan perisian) oleh pihak pembekal perkhidmatan melalui internet kepada pengguna. Penyerahan atau peruntukan ini digambarkan sebagai "perkhidmatan" kerana pengguna hanya "menyewa" sumber pengkomputeran berbanding dengan memperolehnya. Ia menyediakan sumber pengkomputeran bersama untuk mencapai skala ekonomi yang serupa dengan utiliti awam (cth. grid elektrik).
- (e) **Analitik data** merujuk kepada proses penilaian data yang berguna untuk mendapatkan kesimpulan dari maklumat sedia ada.
- (f) **Perisian pengurusan** merujuk kepada pakej pengaturcaraan komputer yang membantu dalam peningkatan produktiviti pengurusan perniagaan.
- (g) **Platform kolaborasi dalam talian** merujuk kepada platform yang digunakan oleh pertubuhan untuk bekerjasama secara digital.
- (h) **Keperluan penggunaan internet dan teknologi 5G** merujuk kepada teknologi sambungan internet mudah alih yang menawarkan kelajuan yang lebih pantas dan sambungan lebih stabil pada peranti-peranti mudah alih.
- (i) **Lain-lain** (sila nyatakan)
- (j) **Tiada**

A11 Sila tandakan sama ada pertubuhan ini telah menyediakan peruntukan kewangan untuk melaksanakan pelan transformasi teknologi digital.

Bahagian 2: Perkhidmatan dalam talian dan transaksi e-dagang

Perkhidmatan dalam talian adalah istilah yang digunakan untuk apa-apa jenis perniagaan atau transaksi komersial **termasuk berkongsi maklumat di internet**. Perdagangan merupakan pertukaran produk dan perkhidmatan antara perniagaan, kumpulan dan individu dan dapat dilihat sebagai salah satu kegiatan penting dalam semua perniagaan.

Perdagangan elektronik lebih tertumpu kepada **penggunaan ICT** untuk **menghubungkan perniagaan dengan individu, kumpulan dan perniagaan atau perniagaan lain**.

Transaksi e-dagang adalah **penjualan atau pembelian** barangan atau perkhidmatan yang dijalankan melalui **rangkaian pengkomputeran / internet** dengan kaedah yang direka untuk tujuan **menerima atau membuat pesanan** (pembelian atau jualan). Urusniaga ini berlaku sama ada antara perniagaan, isi rumah, individu, kerajaan dan organisasi-organisasi awam/swasta lain.

Kaedah **pembayaran dan penghantaran** barangan atau perkhidmatan urusniaga e-dagang ini **boleh dijalankan melalui atau bukan melalui rangkaian pengkomputeran / internet**.

Transaksi e-dagang **termasuk** pesanan yang dibuat di laman web, extranet atau EDI. Walau bagaimanapun, **transaksi yang dibuat melalui panggilan telefon, faks, e-mel** dan yang seumpamanya **tidak dikategorikan** sebagai transaksi e-dagang.

A12 Sila tandakan sama ada pertubuhan ini terlibat dengan urusan jualan atau pembelian menggunakan internet dalam tempoh pelaporan

A13 Sila nyatakan jenis platform yang digunakan pertubuhan ini untuk transaksi (jualan / pembelian) dalam talian.

- (a) **Media sosial** merujuk kepada mereka yang mempunyai profil pengguna, akaun atau lesen pengguna bergantung kepada keperluan dan jenis media sosial. Jenis media sosial adalah rangkaian sosial (cth. *Facebook*), blog Enterprise atau microblogs Enterprise (cth. *Twitter*) dan laman web perkongsian kandungan multimedia (cth. *YouTube*, *Flickr*, *SlideShare*).
- (b) **Laman web** adalah koleksi halaman web yang berkaitan, termasuk kandungan multimedia, biasanya dikenali dengan nama domain umum, dan dipaparkan pada sekurang-kurangnya satu pelayar web.
- (c) **Pasaran e-dagang dalam talian** merupakan laman e-dagang di mana maklumat produk atau perkhidmatan disediakan oleh pelbagai entiti perniagaan tetapi transaksi diproses oleh operator pasaran tersebut.
- (d) **Rangkaian persendirian yang ditetapkan** merupakan rangkaian komunikasi dalam organisasi atau di antara kumpulan organisasi yang ditetapkan. (cth. Pertukaran Data Elektronik (EDI)).
EDI merupakan rangkaian komputer untuk pertukaran maklumat perniagaan dalam format standard. Ia mengurangkan kertas kerja yang terlibat dalam prosedur perdagangan dan meningkatkan kecekapan.
- (e) **Aplikasi Mudah Alih** merupakan aplikasi yang dibangunkan dalam telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Aplikasi mudah alih biasanya membantu pengguna dengan menyambungkannya ke perkhidmatan internet yang sering diakses melalui desktop komputer atau komputer riba, atau membantu mereka memudahkan penggunaan internet pada peranti mudah alih. (cth. *Grab app*, *Lazada app*, *Pop Meal app*, *Mudah app*, *Carousell app*).

A14 Sila tandakan medium pembayaran yang digunakan oleh pertubuhan ini bagi urusan jualan atau pembelian menggunakan internet dalam tempoh laporan.

- (a) **Perkhidmatan pembayaran elektronik** merupakan perkhidmatan perdagangan yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan aplikasi e-dagang yang memberi kuasa kepada kad kredit atau pemprosesan pembayaran langsung untuk e-dagang, peruncit dalam talian atau perniagaan tradisional.
- (b) **Bayaran tunai semasa penghantaran** merupakan sejenis urusan niaga di mana penerima membayar tunai semasa penghantaran sampai dan bukannya menggunakan kredit

A15 Sila tandakan sama ada pertubuhan ini menerima pesanan (jualan) barangan atau perkhidmatan menggunakan e-dagang dalam tempoh laporan.

A16 Sila nyatakan anggaran peratusan jumlah pendapatan yang diterima daripada jualan barangan atau perkhidmatan e-dagang bagi tahun rujukan 2021.

- **Pendapatan e-dagang** merujuk kepada jumlah nilai **transaksi pendapatan dalam talian** yang diterima atau pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan yang diberikan dan lain-lain transaksi yang dibuat semasa tahun rujukan **2021**. Ia terdiri daripada pendapatan operasi dan bukan operasi dan hanya berasaskan kepada Penyata Kira-Kira Perdagangan dan Untung & Rugi bagi tahun rujukan tersebut.
- **Peratusan pendapatan transaksi e-dagang** merujuk kepada jumlah nilai pendapatan transaksi dalam talian dibahagikan dengan jumlah pendapatan.

- A17 Sila nyatakan peratusan pendapatan e-dagang mengikut platform pesanan pelanggan:**
- (a) Kemudahan pesanan dalam talian di laman web pembekal / vendor
 - (b) Laman web lain (pasaran dalam talian, platform e-dagang, tapak ejen dan sebagainya)
 - (c) Rangkaian persendirian yang ditetapkan (cth: EDI dan extranet)
 - (d) Lain-lain (sila nyatakan)

- A18 Sila nyatakan peratusan pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan:**

- (a) **Perniagaan lain - B2B**
Perniagaan kepada Perniagaan (B2B) adalah transaksi perdagangan antara perniagaan. Dalam kes ini, satu perniagaan menjual produk atau perkhidmatan ke perniagaan lain. cth. pengeluar boleh menjual kepada pemborong, atau borong boleh menjual kepada peruncit.
- (b) **Pengguna individu - B2C**
Perniagaan kepada Pengguna (B2C) merupakan pemasaran perniagaan kepada pengguna; transaksi perniagaan sama ada jualan/pembelian atau perkhidmatan kepada pengguna. Kebiasaannya jualan produk terus kepada pengguna di premis perniagaan tetapi kini transaksi jualan/pembelian antara perniagaan dengan pengguna berlaku di dalam talian.
- (c) **Kerajaan dan organisasi bukan perniagaan lain - B2G**
Perniagaan kepada Kerajaan (B2G) adalah model perniagaan yang merujuk kepada perniagaan yang menjual produk, perkhidmatan atau maklumat kepada kerajaan atau agensi kerajaan. Rangkaian atau model B2G menyediakan cara bagi perniagaan untuk membida projek atau produk kerajaan yang mungkin dibeli atau diperlukan oleh kerajaan untuk organisasi mereka. Ini boleh merangkumi organisasi sektor awam yang mencadangkan tawaran. Kegiatan B2G semakin dilakukan melalui internet melalui penawaran real-time. B2G juga dirujuk sebagai pemasaran sektor awam.

- A19 Sila nyatakan peratusan pendapatan e-dagang mengikut jenis pasaran berikut:**

- (a) **Tempatan** - Urusniaga e-dagang yang dilakukan di dalam Malaysia.
- (b) **Antarabangsa** - Urusniaga e-dagang yang dilakukan antara dua negara (luar Malaysia).

JUMLAH - Sila pastikan hasil tambah peratusan tersebut adalah bersamaan dengan 100%.

- A20 Sila nyatakan nama negara yang mempunyai pendapatan e-dagang antarabangsa yang tertinggi dengan pertubuhan ini. Sekiranya pertubuhan ini mempunyai pendapatan e-dagang melebihi daripada tiga negara, sila sertakan dilampiran tambahan.**

- A21 Sila tanda sama ada pertubuhan ini membuat pesanan (pembelian) barangan atau perkhidmatan menggunakan e-dagang dalam tempoh laporan.**

- A22 Sila nyatakan anggaran peratusan jumlah perbelanjaan melalui pembelian barangan atau perkhidmatan menggunakan e-dagang bagi tahun rujukan 2021.**

- **Perbelanjaan e-dagang** merujuk kepada jumlah nilai transaksi e-dagang yang dilaporkan berasaskan nilai perbelanjaan dalam Penyata Perdagangan, Untung & Rugi bagi tahun rujukan **2021**.
- **Peratusan perbelanjaan transaksi e-dagang** merujuk kepada jumlah nilai perbelanjaan transaksi e-dagang yang dibahagikan dengan jumlah perbelanjaan.

- A23 Sila nyatakan peratusan perbelanjaan e-dagang mengikut jenis pelanggan:**

- (a) **Perniagaan lain - B2B**
Perniagaan ke Perniagaan (B2B) adalah transaksi perdagangan antara perniagaan. Dalam kes ini, satu perniagaan menjual produk atau perkhidmatan ke perniagaan lain. cth. pengeluar boleh menjual kepada pemborong, atau borong boleh menjual kepada peruncit.

(b) Pengguna individu - B2C

Perniagaan kepada Pengguna (B2C) merupakan pemasaran perniagaan kepada pengguna; transaksi perniagaan sama ada jualan/pembelian atau perkhidmatan kepada pengguna. Kebiasaannya jualan produk terus kepada pengguna di premis perniagaan tetapi kini transaksi jualan/pembelian antara perniagaan dengan pengguna berlaku di dalam talian.

(c) Kerajaan dan organisasi bukan perniagaan lain - B2G

Perniagaan kepada Kerajaan (B2G) adalah model perniagaan yang merujuk kepada perniagaan yang menjual produk, perkhidmatan atau maklumat kepada kerajaan atau agensi kerajaan. Rangkaian atau model B2G menyediakan cara bagi perniagaan untuk membida projek atau produk kerajaan yang mungkin dibeli atau diperlukan oleh kerajaan untuk organisasi mereka. Ini boleh merangkumi organisasi sektor awam yang mencadangkan tawaran. Kegiatan B2G semakin dilakukan melalui internet melalui penawaran real-time. B2G juga dirujuk sebagai pemasaran sektor awam.

JUMLAH - Sila pastikan hasil tambah peratusan tersebut adalah bersamaan dengan 100%.

A24 Sila nyatakan peratusan perbelanjaan e-dagang mengikut jenis pasaran:

(a) Tempatan - Urusniaga e-dagang yang dilakukan di dalam Malaysia.

(b) Antarabangsa - Urusniaga e-dagang yang dilakukan antara dua negara (luar Malaysia).

JUMLAH - Sila pastikan hasil tambah peratusan tersebut adalah bersamaan dengan 100%.

A25 Sila nyatakan nama negara yang mempunyai perbelanjaan e-dagang antarabangsa yang tertinggi dengan pertubuhan ini. Sekiranya pertubuhan ini mempunyai perbelanjaan e-dagang melebihi daripada tiga negara, sila sertakan dilampiran tambahan.

SEKSYEN B: Kemudahan Pembiayaan

B1 Adakah pertubuhan ini memohon sebarang pembiayaan baharu atau tambahan daripada luar untuk tujuan perniagaan?

Sila tandakan (X) pada Ya atau Tidak sekiranya pertubuhan ini memohon sebarang pembiayaan baharu atau tambahan daripada luar untuk tujuan perniagaan. Sekiranya jawapan adalah YA, sila ke **Soalan B2** atau sekiranya Tidak, sila ke **Soalan B3**.

Pembiayaan daripada luar antaranya termasuk sebarang permohonan untuk pembiayaan, pinjaman, kemudahan kredit, kad kredit, kredit daripada pembekal, geran / pinjaman kerajaan, modal usaha niaga dan pembiayaan ekuiti.

B2 Adakah permohonan tersebut diluluskan?

Sila tandakan (X) pada Ya atau Tidak atau Sedang diproses mengenai status permohonan pembiayaan.

Sekiranya jawapan adalah Ya atau Sedang diproses, sila ke **Soalan B4** atau sekiranya Tidak, sila ke **Soalan B5**.

B3 Mengapakah pertubuhan ini tidak memohon sebarang pembiayaan daripada luar? (Boleh pilih lebih daripada satu)

Sila tandakan (X) pada satu atau lebih pilihan jawapan yang disenaraikan berhubung sumber pembiayaan daripada luar. Seterusnya sila ke **Soalan B6**.

B4 Apakah tujuan pembiayaan yang dipohon? (Boleh pilih lebih daripada satu)

Sila tandakan (X) pada satu atau lebih pilihan jawapan yang disenaraikan berhubung tujuan pembiayaan.

Seterusnya sila ke **Soalan B6**.

B5 Apakah alasan yang diberikan berhubung dengan penolakan permohonan pertubuhan ini? (Boleh pilih lebih daripada satu)

Sila tandakan (X) pada satu atau lebih pilihan jawapan yang disenaraikan berhubung alasan yang diberikan bagi penolakan ke atas permohonan pinjaman.
Seterusnya sila ke **Soalan B6**.

B6 Dari manakah pertubuhan ini mendapat sumber pembiayaan untuk menjalankan perniagaan? (Boleh pilih lebih daripada satu)

Sila tandakan (X) pada satu atau lebih pilihan jawapan yang disenaraikan berhubung sumber pembiayaan pertubuhan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan.

B7 Adakah pertubuhan ini memiliki / menggunakan fasiliti dan produk kewangan berikut bagi tujuan perniagaan? (Boleh pilih lebih daripada satu)

Sila tandakan (X) pada satu atau lebih pilihan jawapan yang disenaraikan berhubung fasiliti dan produk perniagaan yang digunakan bagi tujuan perniagaan.

(a) Akaun deposit

Merangkumi akaun simpanan, akaun semasa dan simpanan tetap.

(b) Kad Kredit

Kemudahan kad bayaran yang dikeluarkan oleh bank bagi membolehkan pemegang kad membuat bayaran ke atas barangan dan perkhidmatan berdasarkan had kredit yang diluluskan oleh bank.

(c) Perbankan dalam talian

Sistem pembayaran elektronik yang membolehkan pelanggan institusi kewangan menjalankan urusan niaga kewangan di laman web institusi kewangan.

(d) Insurans

Pampasan yang dijanjikan bagi kerugian masa depan sebagai pertukaran untuk pembayaran berkala. Ianya melindungi kesejahteraan kewangan individu atau pertubuhan dari kerugian yang tidak dijangka.

(e) Fasiliti Eksport

Kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan agensi berkaitan bagi tujuan eksport barangan dan perkhidmatan.

SEKSYEN C: Inovasi dan Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

Takrifan Am Berkaitan Inovasi

Definisi: Inovasi adalah pelaksanaan produk baharu atau penambahbaikan yang nyata (barangan atau perkhidmatan), atau proses, kaedah pemasaran baharu, atau kaedah organisasi yang baharu dalam amalan perniagaan, organisasi tempat kerja atau hubungan luar. (*Rujukan Oslo Manual, OECD 3rd Edition, 2005*)

Keterangan:

Inovasi adalah hasil cetusan idea yang kreatif dan inovatif dalam usaha mencari jalan atau kaedah baharu untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Inovasi (baharu atau ditambah baik) mestilah baharu kepada syarikat anda, tetapi ia tidak semestinya baharu untuk sektor atau pasaran anda. Inovasi juga boleh pada asalnya dibangunkan oleh syarikat anda atau oleh syarikat lain. Takrifan peringkat bagi aktiviti inovasi adalah seperti berikut:

Peringkat Aktiviti Inovasi	Takrifan
Baharu kepada dunia	Syarikat anda memperkenalkan barang atau perkhidmatan yang baharu atau bertambah baik yang merupakan barang atau perkhidmatan pertama untuk semua pasaran dan industri, domestik dan antarabangsa (tiada syarikat memperkenalkannya sebelum ini).
Baharu ke pasaran anda	Syarikat anda memperkenalkan barang atau perkhidmatan baharu atau penambahbaikan yang ketara (<i>significant</i>) ke pasaran anda sebelum pesaing anda. (ia mungkin telah tersedia di pasaran lain)
Hanya baharu kepada organisasi anda	Syarikat anda memperkenalkan barang atau perkhidmatan yang baharu atau penambahbaikan yang ketara (<i>significant</i>) yang sudah tersedia dari pesaing anda di pasaran anda.

**C1 Adakah pertubuhan ini mematuhi sebarang pengiktirafan tempatan dan / atau antarabangsa?
(Boleh pilih lebih daripada satu)**

- (a) **Pengiktirafan tempatan** merujuk kepada pengiktirafan yang dikeluarkan oleh badan yang sah dari segi undang undang.
- Amalan Peningkatan Kualiti (APK) merujuk kepada *Six Sigma*, Audit Produktiviti dll.
 - Pensijilan Jenama Malaysia merujuk kepada pensijilan yang dikeluarkan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
 - Skim Organik Malaysia (SOM) and Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA) adalah pengiktirafan di bawah Jabatan Pertanian.
 - Makanan Selamat Tanggungjawasn Indutri (MeSTI) merupakan skim pensijilan yang mudah untuk diperolehi dan memenuhi keperluan minima yang diperuntukkan di dalam PPKM 2009.
- (b) **Pengiktirafan antarabangsa** merujuk kepada pengiktirafan yang dikeluarakn oleh badan antarabangsa.
- ISO merujuk kepada Persijilan Pengurusan Kualiti. Ia termasuk ISO 9001:2000, ISO 14001:2004, ISO/IEC 27001:2005, ISO 22000:2005 dll.
 - HACCP merujuk kepada Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya.
- (c) **Pengiktirafan Halal** merujuk kepada persijilan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.
- (d) **Tiada**

**C2 Adakah pertubuhan ini mempunyai Sistem Perlindungan Harta Intelek (HI)?
(Boleh pilih lebih daripada satu)**

Harta Intelek adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan harta intelek merujuk kepada paten, cap dagangan (termasuk: jenama yang didaftarkan / dilindungi), hak cipta dan hak yang berkaitan dan lain-lain.

- (a) **Paten** adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan oleh pihak kerajaan untuk suatu rekapipta baharu sama ada ia adalah satu produk atau satu proses. Perlindungan paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan.

(b) **Cap Dagangan** boleh terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Ianya merupakan alat pemasaran yang membolehkan pengguna mengenali dan mengaitkan suatu keluaran dengan peniaga tertentu. Juga lebih dikenali sebagai tanda, jenama, logo atau tanda niaga ialah tanda yang diletakkan pada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang pengeluar untuk mengenal dan membezakannya daripada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak lain.

(c) **Hakcipta** di Malaysia merupakan sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat berikut:

- Usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli;
- Karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan dan penciptanya adalah orang yang berkelayakan;
- Karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia.

(d) **Lain-lain**

- **Reka bentuk perindustrian** ialah rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk. Bentuk atau tatarajah merupakan aspek tiga dimensi manakala corak atau hiasan merangkumi dua dimensi. Ciri-ciri tiga atau dua dimensi atau kedua-duanya sekali yang terdapat pada suatu barang siap hendaklah melalui kaedah perindustrian. Ciri-ciri tersebut akan memberi suatu penampilan yang unik pada suatu barang atau produk berkenaan.
- **Petunjuk geografi** adalah satu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang kerana berasal dari sebuah negara atau wilayah, atau satu kawasan atau tempat dalam atau negara wilayah, di mana mutu yang ditentukan, atau reputasi ciri lain barang-barang itu pada asasnya adalah berpunca dari asal geografi mereka. Tanda-tanda geografi boleh digunakan ke atas atau semula jadi atau hasil pertanian sebarang keluaran atau kraftangan industri.
- **Rekabentuk susun atur litar bersepadu** adalah susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang. Undang-undang yang melindungi reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

(e) **Tiada**

C3 Adakah pertubuhan ini menerima bantuan nasihat / teknikal dari pihak berikut? (Boleh pilih lebih daripada satu)

- (a) Agensi kerajaan
- (b) Institusi pengajian tinggi
- (c) Swasta
- (d) Tiada

C4 Adakah pertubuhan ini memperkenalkan sebarang inovasi baharu atau penambahbaikan nyata dalam tahun rujukan 2021? (Boleh pilih lebih daripada satu)

(a) **Inovasi Produk**

Pengenalan barangan atau perkhidmatan baharu atau yang diberikan penambahbaikan nyata dan berkaitan dengan ciri-ciri atau kegunaan yang diinginkan. Ini termasuklah penambahbaikan nyata dalam **spesifikasi teknikal, komponen** dan **bahan, perisian** yang digabungkan, mesra pengguna atau **ciri-ciri fungsional** lain. Inovasi produk boleh menggunakan pengetahuan atau teknologi baharu, atau boleh berdasarkan kegunaan baharu atau gabungan pengetahuan atau teknologi yang sedia ada. Istilah "produk" digunakan untuk menampung kedua-dua barang dan perkhidmatan. Inovasi produk

merangkumi pengenalan barangan dan perkhidmatan baharu dan penambahbaikan penting dalam ciri-ciri fungsional atau pengguna barang dan perkhidmatan sedia ada.

Kata kunci: perubahan fungsi dan ciri-ciri penggunaan

Contoh: -

1. *Breathable fabric* yang menggunakan material baharu untuk pakaian yang telah menambahbaik kualiti
2. Pencuci muka dengan kandungan ekstrak sirih yang belum dihasilkan pihak lain.
3. Perkhidmatan *online banking* dengan penambahbaikan pada kelajuan untuk mengakses dan *ease of use*

(b) Inovasi Proses

Pelaksanaan pengeluaran atau kaedah penghantaran baharu atau yang mempunyai penambahbaikan nyata. Ini termasuklah perubahan nyata pada teknik, peralatan dan/ atau perisian. Inovasi proses boleh bertujuan untuk mengurangkan kos unit pengeluaran atau penghantaran, bagi meningkatkan kualiti, atau untuk pengeluaran atau penghantaran produk baharu atau penambahbaikan nyata.

Kata kunci: pengeluaran dan kaedah penghantaran

Contoh: -

1. Sesetengah institusi kewangan telah mengambil langkah dengan memudahkan proses memasukkan wang dengan meminta pendeposit untuk mengisi butiran jumlah sahaja pada borang.
2. Keupayaan syarikat untuk memberikan maklum balas dan penyelesaian penyelenggaraan yang pantas kepada pelanggan terutamanya dalam situasi kecemasan.
3. Syarikat menerima pensijilan daripada badan pengiktirafan contohnya menerima sijil ISO 9001 dan ISO14000.
4. Merawat air menggunakan reka bentuk dan sistemnya sendiri.
5. Sistem e-hailing memudahkan proses menempah kenderaan seperti *Uber* dan *Grab Car*.

(c) Inovasi Organisasi

Pelaksanaan kaedah baharu organisasi dalam amalan perniagaan syarikat, organisasi di tempat kerja atau hubungan luar. Inovasi organisasi bertujuan untuk meningkatkan prestasi syarikat dengan mengurangkan kos pentadbiran atau kos transaksi, meningkatkan kepuasan kerja (produktiviti pekerja), mendapat akses kepada aset tidak boleh niaga (seperti pengetahuan luaran tidak dikodkan) atau mengurangkan kos bekalan.

Kata kunci: Meningkatkan kualiti, kecekapan dalam bekerja, perkongsian maklumat dan meningkatkan keupayaan firma untuk menggunakan ilmu dan teknologi baharu

Contoh: -

1. Mengambil pekerja sementara mengikut keperluan semasa bagi mengurangkan kos pengambilan pekerja. Mereka adalah orang yang berpengalaman dalam industri tersebut namun tidak mahu terikat sebagai pekerja tetap.
2. Sistem nombor giliran bagi membuat urusan dengan sesuatu organisasi boleh diambil melalui online tanpa perlu ke kaunter.

(d) Inovasi Pemasaran

Pelaksanaan kaedah pemasaran baharu yang melibatkan perubahan nyata dalam reka bentuk produk atau pembungkusan, penempatan produk, promosi produk atau harga. Inovasi pemasaran bertujuan untuk menangani keperluan pelanggan dengan lebih baik, membuka pasaran baharu, atau yang baharu memperkenalkan produk syarikat dalam pasaran, dengan objektif untuk meningkatkan jualan syarikat.

Kata kunci: Berorientasikan pelanggan dan pasaran dengan harapan untuk meningkatkan hasil jualan dan pasaran. Perubahan dari segi reka bentuk, penampilan dan kaedah.

Contoh: -

1. Kuih Bahulu (kuih tradisional orang Melayu) yang berinti jem strawberi dan blueberry serta cip coklat.
2. Kotak bagi pewangi kereta berubah mengikut tema misalnya berbentuk ketupat ketika musim perayaan.
3. Menggunakan stokis dan ejen untuk memasarkan produk.
4. Hotel menyediakan perkhidmatan pengangkutan percuma untuk ke tempat-tempat tumpuan pelancong.
5. Terdapat institusi kewangan yang telah membuat promosi dengan menaja dan menamakan dewan universiti sempena namanya.

(e) Tiada

C5 Adakah pertubuhan ini menerima sumber pembiayaan aktiviti inovasi daripada pihak berikut? (Boleh pilih lebih daripada satu dan nyatakan jumlahnya)

(a) Dana sendiri

Dana milik / dari institusi sendiri - termasuk: ekuiti, rizab dan pinjaman

(b) Syarikat swasta

Dana yang diperolehi daripada syarikat swasta / pertubuhan yang lain.

(c) Kerajaan

Dana yang diperolehi daripada sumber kerajaan sama ada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan.

(d) Institusi Pengajian Tinggi

Dana yang diperolehi daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA / IPTS).

(e) Dana luar negara

Dana yang diperolehi daripada entiti / organisasi luar negara.

(f) Dana lain

Dana yang diperolehi daripada sumber selain daripada (a) hingga (e).

(g) Tiada

Takrifan Am Berkaitan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Definisi: R&D adalah aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang terdiri daripada kerja kreatif yang dijalankan secara sistematik untuk meningkatkan pengetahuan yang kemudiannya dapat digunakan untuk merangka aplikasi baharu berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. (Rujukan *Frascati Manual, OECD 2021*).

Keterangan:

Aktiviti-aktiviti R&D sepatutnya mempunyai ciri-ciri berikut:

1. **Novel (bertujuan untuk penemuan baharu)**
 - Penemuan yang baharu dalam penyelidikan yang masih belum diguna pakai dalam industri.
(cth. ujian / aktiviti secara sistematik yang dijalankan untuk menghasilkan teknik / proses / rekabentuk / produk baharu yang masih belum ada / digunapakai dalam industri yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah / meningkatkan produktiviti industri)
 - Pengecualian: aktiviti yang dijalankan untuk menyalin (*copy*), meniru (*imitate*) atau kejuruteraan membalik (*reversed engineering*) sebagai cara untuk memperoleh pengetahuan, tidak dianggap sebagai penemuan baharu (*novel*).
2. **Kreatif (termasuk konsep atau idea baharu yang menambah baik pengetahuan sedia ada)**
 - Aktiviti R&D berorientasikan objektif dan konsep atau idea baharu bagi menambahbaik pengetahuan sedia ada.
(cth. Kaedah baharu yang dibangunkan untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan tugas rutin. cth. pemprosesan data bukan aktiviti R&D melainkan ia merupakan sebahagian daripada projek untuk membangunkan kaedah baharu bagi pemprosesan data).
 - Pengecualian: Ini tidak termasuk perubahan rutin aktiviti ke atas produk atau proses.
3. **Hasil yang tidak pasti**
 - Pada umumnya aktiviti R&D bersifat dinamik, tidak pasti (*uncertain*) khususnya berkenaan kos atau masa yang diperlukan untuk mencapai hasil yang diharapkan serta hasil yang diperolehi tidak boleh ditentukan dengan tepat berbanding objektif.
(cth. Model Prototaip R&D yang digunakan untuk menguji konsep dan teknologi teknikal dari segi kebolehgunaan mempunyai risiko kegagalan yang tinggi. Manakala, model prototaip bukan R&D selalunya digunakan untuk mendapatkan pensijilan teknikal atau undang-undang).
4. **Sistematik (Perancangan secara teliti dan mempunyai anggaran kos)**
 - Aktiviti R&D dijalankan dengan cara yang terancang, mempunyai rekod berkaitan proses, hasil aktiviti, sumber manusia dan sumber kewangan.
(cth. Ketersediaan manual operasi/aktiviti, buku log aktiviti, dokumen berkaitan kewangan dan sumber manusia).
5. **Boleh dipindah milik (*transferable*) dan/atau boleh dihasilkan semula**
 - Aktiviti R&D yang berpotensi untuk memindahkan pengetahuan baharu, memastikan penggunaannya serta membolehkan penyelidik lain menghasilkan semula hasil sebagai sebahagian daripada aktiviti R&D mereka.
 - Nota: Dalam persekitaran perniagaan, kebiasaannya hasil aktiviti R&D akan dilindungi oleh kerahsiaan atau perlindungan harta intelek. Namun, proses dan hasil aktiviti R&D akan direkodkan untuk digunakan oleh penyelidik lain

R&D TIDAK TERMASUK aktiviti berikut:

1. **Perkhidmatan maklumat saintifik dan teknikal**
 - Aktiviti khusus: mengumpul, mengarang, merekodkan, mengklasifikasikan, menyebarkan, menterjemah, menganalisis.
(cth. perkhidmatan bibliografi, perkhidmatan paten, khidmat nasihat saintifik dan teknikal, persidangan saintifik)
2. **Kajian berkaitan polisi / dasar, kajian pengurusan dan kajian kecekapan, survei pengguna, pengiklanan dan penyelidikan pasaran**
 - Dalam konteks ini, "dasar" merangkumi semua dasar di peringkat negara, antarabangsa dan dasar yang diguna pakai dalam sesuatu perusahaan perniagaan/industri.

3. **Aktiviti rutin bagi kawalan kualiti dan ujian**
 - Merangkumi penyelenggaraan piawaian kebangsaan, penentuan piawaian sekunder, ujian rutin dan analisis bahan, komponen, produk, proses, tanah, atmosfera dan lain-lain.
 4. **Aktiviti pra-pengeluaran seperti demonstrasi, prototaip, melengkapkan perkakasan dan pengeluaran percubaan**
 5. **Penjelajahan (*exploring*), cari gali (*prospecting*) atau penggerudian mineral, petroleum atau gas asli**
 - cth. Ujian geologi yang memberikan maklumat awal berkenaan penerokaan dan perlombongan.
 6. **Pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada produk sedia ada**
 - cth. Perubahan fizikal seperti warna, bungkusan dan bentuk.
 7. **Tujuan umum atau pengumpulan data rutin**
 - cth. Pemetaan topografi, kaji selidik geologi, hidrologi, oseanografi, meteorologi dan pemerhatian astronomi yang rutin.
 8. **Pengaturcaraan komputer rutin, penyelenggaraan sistem atau aplikasi perisian**
 - cth. Aktiviti bersifat rutin seperti penyelenggaraan rutin komputer dan perisian.
 9. **Operasi penyelidikan dan analisis matematik atau statistik**
 - Aktiviti berkaitan analisis statistik yang bersifat rutin (dikumpulkan secara tetap) yang menggunakan model dan prinsip sedia ada (*established model/method*).
cth. Aktiviti yang menggunakan data tinjauan tenaga kerja untuk mengenal pasti trend pengangguran jangka panjang.
 10. **Aspek komersil, perundangan dan pentadbiran aktiviti paten, hak cipta atau pelesenan**
 - cth. Permohonan paten dan aktiviti pelesenan, penyelidikan pasaran, permulaan pembuatan, dan pembuatan dan reka bentuk semula untuk proses pembuatan.
 11. **Aktiviti yang berkaitan dengan pematuhan piawaian**
 - cth. Pematuhan rutin terhadap kawalan pemeriksaan awam, penguatkuasaan standard dan lain-lain.
 12. **Rutin khusus penjagaan perubatan**
 - cth. Perkhidmatan rutin dan diagnosis penyakit melalui pemeriksaan organ, cecair badan (air kencing, darah) dan seluruh tubuh (autopsi).
- C6 Sila nyatakan jumlah perbelanjaan R&D bagi tahun rujukan berikut:**
- (a) 2018
 - (b) 2019
 - (c) 2020
- C7 Adakah pertubuhan ini menjalankan aktiviti R&D pada tahun rujukan? Jika YA sila isikan maklumat berkaitan aktiviti R&D yang dilaksanakan secara dalaman (sendiri) sahaja?**
- C8 Perbelanjaan semasa terhadap R&D**
- (a) **Kos buruh**
Jumlah gaji tahunan asas dan emolument lain (seperti sumbangan KWSP, faedah perubatan, bonus prestasi, elaun khas, pinjaman perumahan dan kereta) bagi setiap kakitangan yang terlibat secara langsung dalam R&D)
 - (b) **Kos operasi**
Seperti bahan guna habis (*consumable*), pembaikan, penyelenggaraan, pembelian bahan, prototaip, langganan pangkalan data rujukan dan kerja yang ditauliahkan.

(c) Kos berulang lain

Upah dan gaji kakitangan secara tidak langsung menyokong/terlibat dalam R&D. Sertakan hanya bahagian gaji mereka yang berkaitan dengan sokongan secara tidak langsung dalam R&D (cth. bahagian kewangan pusat, perkhidmatan kakitangan dan pembersihan)

cth. mereka yang menyediakan pembayaran, menjadualkan mesyuarat, menyediakan dokumen dan sebagainya. Mereka juga mungkin bertanggungjawab untuk menguruskan bekalan pejabat dan berhubung dengan vendor serta membuat tugas pentadbiran yang lain.

C9 Perbelanjaan modal terhadap R&D

(a) Tanah, bangunan & struktur lain

Jika tanah dan bangunan yang dibeli juga digunakan untuk pengeluaran (produk dll), sila masukkan **hanya bahagian yang digunakan untuk R&D**.

(b) Kenderaan, loji, perisian, jentera & peralatan

Jika aset yang dibeli juga digunakan untuk pengeluaran (produk dll), sila masukkan **hanya bahagian yang digunakan untuk R&D**.

(c) Lain-lain

Lain-lain aset selain dari di atas yang digunakan untuk pengeluaran (produk dll), sila masukkan **hanya bahagian yang digunakan untuk R&D**

C10 Sumber dana R&D

(a) Dana sendiri

Dana milik / dari institusi sendiri - termasuk: ekuiti, rizab dan pinjaman

(b) Syarikat swasta

Dana yang diperolehi daripada syarikat swasta / pertubuhan yang lain

(c) Kerajaan

Dana yang diperolehi daripada sumber kerajaan sama ada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan.

(d) Institusi Pengajian Tinggi

Dana yang diperolehi daripada institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA / IPTS).

(e) Dana luar negara

Dana yang diperolehi daripada entiti / organisasi luar negara

(f) Dana lain

Dana yang diperolehi daripada sumber selain daripada (a) hingga (e)

C11 Sila nyatakan peratusan jenis aktiviti R&D

(a) Penyelidikan asas

Aktiviti percubaan atau teori yang dijalankan terutamanya untuk memperoleh pengetahuan baharu tanpa melihat aplikasi tertentu (lebih bersifat akademik). Ia dijalankan tanpa mencari apa-apa manfaat ekonomi atau sosial jangka panjang selain untuk kemajuan pengetahuan.

Contoh 1: Penyelidikan mengenai sifat-sifat algoritma umum untuk mengendalikan jumlah data masa nyata (*real-time*) yang besar.

Contoh 2: Penyelidikan untuk mengenalpasti sumber-sumber biogas dari sisa ternakan haiwan.

Contoh 3: Penyelidikan mengenai potensi kelapa sawit sebagai sumber alternatif baharu dalam industri pembuatan.

(b) Penyelidikan gunaan

Penyelidikan Gunaan melibatkan aktiviti-aktiviti asal dalam memperoleh pengetahuan baharu dengan aplikasi tertentu yang dilihat. Ia juga melibatkan penyelidikan untuk menentukan penggunaan yang mungkin dari penemuan penyelidikan asas atau untuk menentukan kaedah baharu atau cara untuk mencapai objektif tertentu atau yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Contoh 1: Penyelidikan bagi mengurangkan jumlah spam dengan memahami keseluruhan struktur atau model perniagaan (*bussiness model*) spam, tingkah laku dan motivasi pelaku spam (spammer) untuk penghasilan produk perisian.

Contoh 2: Penyelidikan untuk mengenalpasti teknologi penghasilan biogas daripada sisa ternakan haiwan (*animal waste*) untuk kegunaan industri.

Contoh 3: Penyelidikan untuk menilai dan mengenalpasti potensi abu kelapa sawit (*oil palm ash*, OPA) sebagai pengisi baharu (*new filler*) bagi sebatian getah asli dalam sektor industri pembuatan.

(c) Penyelidikan eksperimen

Penyelidikan yang melibatkan aktiviti sistematik menggunakan pengetahuan sedia ada yang diperoleh daripada penyelidikan dan/atau pengalaman praktikal untuk tujuan mencipta bahan, peralatan, produk, sistem, proses atau perkhidmatan yang baharu atau ditambah baik.

Contoh 1: Syarikat permulaan (*start-up company*) mengunapakai kod pengaturcaraan komputer yang dibangunkan oleh penyelidik bagi penghasilan produk perisian untuk pemasaran dalam talian (*online marketing*) dan perkembangan perniagaan.

Contoh 2: Kajian lanjutan untuk membangunkan loji rintis (*pilot plant*) penghasilan biogas daripada sisa ternakan ayam (*chicken manure*) untuk kegunaan industri.

Contoh 3: Kajian lanjut untuk menghasilkan produk baharu berasaskan abu kelapa sawit (*oil palm ash*, OPA) sebagai pengisi baharu (*new filler*) sebatian getah asli yang berupaya meningkatkan kekuatan dan ketahanan bagi menggantikan penggunaan karbon hitam (*carbon black*) dan silika dalam sektor industri pembuatan tayar.
menentukan kaedah baharu atau cara untuk mencapai objektif tertentu atau yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

(d) Penyelidikan eksperimen

Penyelidikan yang melibatkan aktiviti sistematik menggunakan pengetahuan sedia ada yang diperoleh daripada penyelidikan dan/atau pengalaman praktikal untuk tujuan mencipta bahan, peralatan, produk, sistem, proses atau perkhidmatan yang baharu atau ditambah baik.

Contoh 1: Syarikat permulaan (*start-up company*) mengunapakai kod pengaturcaraan komputer yang dibangunkan oleh penyelidik bagi penghasilan produk perisian untuk pemasaran dalam talian (*online marketing*) dan perkembangan perniagaan.

Contoh 2: Kajian lanjutan untuk membangunkan loji rintis (*pilot plant*) penghasilan biogas daripada sisa ternakan ayam (*chicken manure*) untuk kegunaan industri.

Contoh 3: Kajian lanjut untuk menghasilkan produk baharu berasaskan abu kelapa sawit (*oil palm ash*, OPA) sebagai pengisi baharu (*new filler*) sebatian getah asli yang berupaya meningkatkan kekuatan dan ketahanan bagi menggantikan penggunaan karbon hitam (*carbon black*) dan silika dalam sektor industri pembuatan tayar.

C12 Sila nyatakan maklumat pekerja yang terlibat dengan R&D

(a) Penyelidik

Penyelidik adalah profesional yang terlibat dalam konseptual atau penciptaan pengetahuan, produk, proses, kaedah dan sistem baharu, dan dalam pengurusan projek yang berkaitan. Pelajar pascasiswazah di peringkat sarjana/Master dalam mod penyelidikan dan PhD yang terlibat dalam R&D perlu dipertimbangkan sebagai penyelidik.

(b) Juruteknik dan profesional bersekutu

Juruteknik dan kakitangan yang setara adalah orang yang tugas utamanya memerlukan pengetahuan teknikal dan pengalaman dalam satu atau lebih bidang kejuruteraan, sains fizikal dan kehidupan (Juruteknik) atau sains sosial dan kemanusiaan (Kakitangan yang setara). Mereka terlibat dalam R&D dengan melaksanakan tugas saintifik dan teknikal yang melibatkan penggunaan konsep dan kaedah operasi, biasanya di bawah pengawasan penyelidik.

(c) Pekerja sokongan perkeranian

Kakitangan sokongan termasuk perunding, pekerja mahir dan tidak mahir, kakitangan kesetiausahaan dan perkeranian yang mengambil bahagian dengan menyokong projek R&D atau berkaitan secara langsung dengan projek tersebut. Juga termasuk dalam kategori ini adalah pengurus dan pentadbir yang berurusan terutamanya dalam perkara kewangan dan kakitangan, dan dalam pentadbiran am, selaras dengan aktiviti mereka sebagai perkhidmatan secara langsung kepada R&D. Kakitangan di luar unit R&D yang menyediakan sokongan secara tidak langsung tidak perlu dimasukkan.

Nota:

Perkara	R&D	Inovasi
Definisi	kerja kreatif yang dijalankan secara sistematik untuk meningkatkan pengetahuan yang kemudiannya dapat digunakan untuk merangka aplikasi baharu berdasarkan pengetahuan yang sedia ada.	Pelaksanaan terhadap produk (barangan atau perkhidmatan), atau proses, kaedah pemasaran, kaedah organisasi yang baharu atau penambahbaikan nyata dalam amalan perniagaan, organisasi tempat kerja atau hubungan luar.
Ciri-ciri	Novel, kreatif, hasil yang tidak pasti, sistematik dan boleh dipindah milik (<i>transferable</i>) dan/atau boleh dihasilkan semula.	Idea kreatif dan inovatif untuk pengubahsuaian atau penambahbaikan produk / perkhidmatan.
Contoh Aktiviti	Contoh 1: Penyelidikan untuk mengenalpasti teknologi penghasilan biogas daripada sisa ternakan haiwan (<i>animal waste</i>) untuk kegunaan industri. Contoh 2: Kajian lanjut untuk menghasilkan produk baharu berasaskan abu kelapa sawit (oil palm ash, OPA) sebagai pengisi baharu (<i>new filler</i>) sebatian getah asli yang berupaya meningkatkan kekuatan dan ketahanan bagi menggantikan penggunaan karbon hitam (<i>carbon black</i>) dan silika dalam sektor industri pembuatan tayar.	Contoh 1: <i>Breathable fabric</i> yang menggunakan material baharu untuk pakaian yang telah menambahbaik kualiti Contoh 2: Sistem e-hailing memudahkan proses menempah kenderaan seperti Uber dan Grab Car. Contoh 3: Sistem nombor giliran bagi membuat urusan dengan sesuatu organisasi boleh diambil melalui online tanpa perlu ke kaunter. Contoh 4: Kotak bagi pewangi kereta berubah mengikut tema misalnya berbentuk ketupat ketika musim perayaan.

SEKSYEN D: Pemasaran dan Promosi

D1 Adakah pertubuhan ini menggunakan media pemasaran untuk mempromosikan perniagaan? Sila nyatakan medium yang digunakan

Sila tandakan jenis pemasaran dan promosi yang diusahakan oleh pertubuhan ini seperti iklan, risalah dan sebagainya. **(Boleh pilih lebih daripada satu)**

1. Ejen pemasaran merujuk kepada syarikat berdaftar yang berfungsi untuk mempromosikan produk keluaran syarikat lain.
2. Iklan (surat khabar, TV dan majalah).
3. Risalah, katalog, dsb.
4. Ekspo tempatan / Pameran merujuk kepada ekspo / pameran yang dibuat di dalam negara.
5. Ekspo antarabangsa / pameran merujuk kepada ekspo / pameran yang dibuat di luar negara.
6. Kenyataan akhbar secara dalam talian merujuk kepada kenyataan bertulis atau yang direkodkan dan disalurkan kepada ahli bagi tujuan pemasaran / promosi.
7. Enjin carian optimum (cth. *Google, Yahoo*) adalah pangkalan data yang menyimpan pautan-pautan laman web dan kata kunci atau frasa yang boleh diakses melalui internet.
8. Rangkaian laman web sosial (cth. *Blog, Twitter, Facebook*, dsb.) merupakan platform untuk membina rangkaian sosial atau hubungan sosial antara orang yang berkongsi minat yang sama, aktiviti, latar belakang atau kehidupan sebenar.
9. Penajaan acara merujuk kepada hubungan di mana syarikat menawarkan pembiayaan untuk syarikat lain, perbadanan pertubuhan, dll sebagai pertukaran terhadap peluang promosi.
10. Tidak berkenaan.

SEKSYEN E: Import dan Eksport

E1 Sila laporkan jumlah import dan eksport berdasarkan pecahan barangan dan perkhidmatan.

1. **Barangan** - Meliputi komponen dagangan am, barangan untuk diproses, perkhidmatan penyelenggaraan atas barangan, barangan diperoleh oleh pesawat di lapangan terbang dan kapal dipelabuhan dan emas bukan monetari.
 - **Import Barangan** - Sesuatu barangan yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang-gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Ia juga diistilahkan sebagai 'import umum'.
 - **Eksport Barangan** - Sesuatu barangan (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Ia juga diistilahkan sebagai 'eksport umum'.
2. **Perkhidmatan** - aktiviti perkhidmatan yang ditawarkan oleh pertubuhan ini seperti perakaunan, perbankan, perundingan, pendidikan, insurans, kesihatan pengangkutan.
 - **Import Perkhidmatan** - Perkhidmatan yang diperoleh daripada bukan residen (merujuk kepada individu, syarikat atau institusi luar negara yang tinggal atau berada di Malaysia kurang daripada setahun (12 bulan)) yang di bawa masuk ke dalam negara.
 - **Eksport Perkhidmatan** - Perkhidmatan yang diberi dan dibawa keluar negara oleh residen Malaysia bagi tempoh kurang daripada setahun (12 bulan).

E2 Sila nyatakan tiga nama negara utama eksport produk halal pertubuhan ini dan penggunaan *Free Trade Agreement (FTA)* bagi setiap negara tersebut. FTA merupakan satu perjanjian perdagangan antara dua negara untuk mengurangkan tarif dan duti import serta menggalakkan perdagangan barangan dan perkhidmatan kedua-dua negara.

- E3 Sila nyatakan nama negara pertubuhan ini berhasrat untuk mempelbagaikan pasaran eksport produk halal.**

SEKSYEN F: Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar

- F1 Sila nyatakan bagaimanakah pertubuhan ini menguruskan sisa dan bahan pencemar? (Boleh pilih lebih daripada satu)**
- (a) Pertubuhan melupuskannya sendiri**
Sisa dan bahan pencemar dilupuskan oleh pertubuhan ini sendiri, sama ada di tapak pelupusan persendirian atau tapak pelupusan pertubuhan lain.
 - (b) Diuruskan oleh kontraktor yang dilantik**
Pertubuhan membayar sejumlah perbelanjaan kepada kontraktor yang dilantik untuk melupuskan sisa dan bahan pencemar yang dihasilkan.
 - (c) Menggunakan tong sampah awam**
Sisa dan pencemar yang dihasilkan dibuang menggunakan tong sampah awam tanpa sebarang bayaran.
 - (d) Lain-lain**
Selain daripada pilihan diatas dan perlu dinyatakan.

Perbelanjaan perlindungan alam sekitar merujuk kepada semua perbelanjaan modal dan operasi selaras dengan pematuhan alam sekitar, konvensyen atau perjanjian sekarela di Malaysia. Ini adalah termasuk perbelanjaan untuk pencegahan, pengurangan dan pemulihan kerosakan alam sekitar atau pemeliharaan alam sekitar.

Perbelanjaan pengurusan pencemaran merujuk kepada bayaran yang dikeluarkan bagi memastikan bahan pencemar yang dihasilkan semasa proses pengeluaran tidak merosakkan alam sekitar, Ia terdiri daripada perbelanjaan pengawasan alam sekitar, tebus guna & pembersihan tapak, peredaan & kawalan pencemaran dan pencegahan pencemaran. Perbelanjaan ini melibatkan media udara, air permukaan, tanah & air bawah tanah dan bunyi, gegaran & radiasi.

Perbelanjaan Modal merujuk kepada perbelanjaan yang dibuat untuk membeli atau memasang peralatan atau kelengkapan dalam usaha untuk memenuhi atau mematuhi peraturan alam sekitar.

Perbelanjaan Operasi merujuk kepada kos operasi seperti perbelanjaan buruh (gaji, upah, caruman); pembelian perkhidmatan; bahan bakar dan bekalan elektrik; alat ganti dan bekalan; dan semua kos yang mempunyai hubung kait dengan pematuhan kepada perundangan alam sekitar.

- F2 Pengawasan alam Sekitar**
Perbelanjaan berkaitan pembelian perkakasan, buruh dan perkhidmatan yang dibelanjakan bagi memenuhi peraturan dan konvensyen untuk mengawasi bahan cemar yang dilepaskan oleh pertubuhan.
cth. Pemasangan alat pemantauan (CEMS) dan P.H meter.
- F3 Peredaan dan kawalan pencemaran**
Sebarang perbelanjaan modal dan operasi bagi perkakasan atau kemudahan yang boleh dikenal pasti dan dipasang untuk mengekang atau mengurangkan pelepasan bahan pencemar. Termasuk juga perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi bagi pusat pembakaran atau tapak pelupusan yang dimiliki oleh pertubuhan.
cth. Pemasangan cerobong asap, *waste water treatment plant* atau *noise boundary wall*.

F4 Pencegahan pencemaran

Penggunaan teknologi, peralatan atau proses yang mengurangkan atau menghapuskan pencemaran dan sisa yang bukan dihujung paip atau timbunan sebelum pencemaran atau bahan buangan terhasil.

cth. Penggunaan *silencer* untuk generator dan mengguna peralatan teknologi hijau.

F5 Tebus guna dan pembersihan tapak

Perbelanjaan bagi memulih dan pembersihan sebarang kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh pertubuhan. Tidak termasuk penalti / kompaun yang dikenakan kerana kerosakan alam sekitar atau sebarang tanggungan kepada alam sekitar pada masa hadapan.

cth. Pemulihan tapak pelupusan (*landfill*).

F6 Perbelanjaan pengurusan sisa

Perbelanjaan bagi aktiviti mengumpul, menyimpan dan melupus sisa tidak berbahaya dan sisa terjadual sama ada dilaksanakan oleh pertubuhan, kontraktor swasta atau agensi kerajaan.

cth. Bayaran kepada Alam Flora, Kualiti Alam, syarikat kitar semula, etc.

F7 Perbelanjaan penilaian & audit alam sekitar dan caj alam sekitar

(i) Perbelanjaan penilaian dan audit alam sekitar termasuk:

- (a) Perbelanjaan untuk penilaian dalam operasi semasa bagi pematuhan peraturan-peraturan (audit).
- (b) Perbelanjaan untuk menilai impak alam sekitar daripada program atau projek yang dicadangkan (penilaian).
- (c) Perbelanjaan bagi kos perundangan dan perundingan yang berkaitan.

(ii) Caj alam sekitar meliputi:

- (a) Permit, yuran, levi, penilaian khas dan yuran yang berkaitan.
- (b) Sebarang denda, penalti atau pampasan kerosakan yang dibayar kepada agensi-agensi kerajaan atau individu.
- (c) Caj lain yang telah dibayar kepada badan-badan yang mengawal selia untuk membenarkan operasi diadakan di pertubuhan ini.

F8 Perbelanjaan bagi melindungi hidupan liar dan habitat dari mana-mana kesan operasi pertubuhan

Perbelanjaan bagi mematuhi peraturan dan konvensyen bagi melindungi hidupan liar dan habitat dari mana-mana kesan operasi/aktiviti pertubuhan.

cth. Menyediakan laluan khas bagi hidupan liar di lebuhraya.

F9 Lain-lain perbelanjaan alam sekitar

Perbelanjaan lain berkaitan alam sekitar meliputi:

- (i) Kempen kesedaran alam sekitar.
- (ii) Kursus, seminar dan bengkel alam sekitar.
- (iii) Memberi sumbangan kepada sekolah, universiti dan agensi berkaitan bagi menjalankan aktiviti kesedaran untuk melindungi alam sekitar seperti hari bumi, hari hijau, program kitar semula, menanam pokok bakau dan program pemuliharaan hidupan liar di zoo atau menjadikan sungai sebagai sungai angkat untuk memantau kebersihan.
- (iv) Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta atau orang ramai melaksanakan aktiviti membersihkan kawasan hutan simpan dan sebagainya. Tidak termasuk pembersihan yang dilakukan di kawasan pertubuhan.
- (v) Sumbangan bagi program pemuliharaan hidupan liar di zoo (sumbangan makanan atau perubatan) atau menjadikan sungai sebagai sungai angkat untuk memantau kebersihan.

F10 Adakah pertubuhan tuan mendapat pengiktirafan pensijilan berkaitan alam sekitar? (Boleh pilih lebih daripada satu)

- (a) **ISO 14001** adalah piawaian pengurusan alam sekitar di peringkat antarabangsa. Ia menyediakan satu set keperluan standard bagi sistem pengurusan alam sekitar (EMS). Ia juga menyediakan rangka kerja bagi pengurusan alam sekitar amalan terbaik untuk organisasi bantuan untuk mencegah pencemaran, mengurangkan kesan alam sekitar, mematuhi undang-undang alam sekitar dan membangunkan perniagaan dengan cara yang mampan.
- (b) **ISO 14004** menyediakan panduan mengenai pembangunan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem pengurusan alam sekitar serta diselaraskan dengan sistem pengurusan yang lain. Garis panduan dalam ISO 14004 adalah terpakai kepada mana-mana organisasi, tanpa mengira saiz, jenis, lokasi atau tahap matang. Walaupun garis panduan ISO 14004 adalah selaras dengan model sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001, ia tidak bertujuan untuk memenuhi keperluan ISO 14001.
- (c) **ISO 14064** bertujuan membantu organisasi dalam mengkuantifikasi dan melaporkan pembebasan gas rumah hijau (GHG).
- (d) **Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)** adalah satu set kriteria alam sekitar dan sosial yang mesti dipatuhi oleh syarikat untuk mendapatkan *Certified Sustainable Palm Oil (CSPO)*. Ia boleh membantu untuk mengurangkan kesan negatif daripada ladang kelapa sawit terhadap alam sekitar dan masyarakat di kawasan-kawasan pengeluar minyak sawit.
- (e) **Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)** adalah sijil yang dikeluarkan oleh Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC). Ia merupakan skim sukarela yang memperuntukan penilaian bebas mengenai amalan pengurusan hutan, untuk memastikan pengurusan ladang hutan dan hutan semulajadi Malaysia yang mampan, dan juga untuk memenuhi permintaan bagi produk kayu disahkan.
